



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2018**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 30 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham Bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid Bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Kelang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain Bin Othman (Sabak)

Y.B. Puan Rozana Binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya Binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mohd Shaid Bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany Bin Hamizan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Borhan Bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Mazwan Bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Shatiri Bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah Binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Harumaini Bin Haji Omar, D.P.N.  
(Batang Kali)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi Bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey Bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Rizam Bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran Bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus Bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Tuan Mohd Najwan Bin Halimi  
(Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Bakhtiar Bin Mohd Nor (Semenyih)

Y.B. Tuan Mohd Fakhurulrazi Bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin Bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Jamil Hasib bin Abd Karim  
Encik Nilam Mersa bin Mansur  
Encik Mohammad Redzuan bin Adam

**Pelapor Perbahasan**

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid  
Encik Mohamad Izad Shafiq Bin Ahmad Mashudi

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat pagi. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ke 14 pada 30 November 2018 dimulakan dengan bacaan doa.

(Bacaan doa).

Aturan urusan mesyuarat seterusnya Pertanyaan-Pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Selamat pagi, Salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mempersilakan Yang Berhormat Gombak Setia.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 56.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : PELANCONGAN KESIHATAN**

56. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mempergiat prospek industri pelancongan perubatan di Selangor memandangkan Selangor adalah pintu masuk utama negara?

**TUAN SPEAKER** : EXCO belum ada ya. Mana EXCO yang menjawab soalan sepatutnya berada dalam Dewan untuk memberi jawapan kepada Ahli-ahli Dewan yang menanyakan soalan ya. Ini sangat penting kerana hari ni hari Jumaat, kita mula dengan jam 9.30 awal setengah jam, mungkin ada yang tersilap masa ataupun Yang Berhormat Kinrara boleh tolong. Ya, terima kasih. Silakan.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Ok, terima kasih Tuan Speaker. Saya akan menjawab bagi pihak EXCO Pelancongan. Pelancongan Kesihatan atau Perubatan merupakan segamen pelancongan yang terpenting di negeri Selangor berikutan penawaran khidmat penjagaan kesihatan dan rawatan ubat yang kompetitif dan terbaik berbanding negeri lain di Malaysia mahupun negara-negara jiran. *Tourism Selangor* selaku agensi

pelancongan negeri telah mewujudkan satu unit khas yang fokus kepada segamen pasaran khusus *Niche Market* seperti pelancongan kesihatan, *medical tourism*, pelancongan golf, pelancongan mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran dan pelancongan kapal persiaran (*cruise tourism*). Kerajaan Negeri bersama agensi pelancongan, hospital dan pusat penjagaan kesihatan di negeri Selangor telah bekerjasama dalam menjalankan aktiviti pemasaran dan juga promosi pelancongan kesihatan dengan menyediakan pakej-pakej rawatan menarik dengan harga berpatutan. Pihak *Tourism Selangor* telah menyenaraikan lebih 30 hospital dan pusat kesihatan kerajaan dan swasta yang pakar dalam penjagaan kesihatan di peringkat rantau dan antarabangsa untuk dipromosikan berdasarkan kemampuan menawarkan kemudahan dan kelengkapan yang mengikut kriteria pelancongan kesihatan.

Pada masa yang sama *Malaysia Health Care Travel Council* dengan kerjasama *Tourism Selangor* telah menyediakan pakej pelancongan dan sesi lawatan mengikut kepada permintaan pasaran. Pakej yang ditawarkan ini memberi peluang kepada pesakit dan keluarga untuk melawat beberapa tempat yang menarik khususnya di sekitar dan berdekatan dengan pusat rawatan mereka. Sebagai tanda usaha Kerajaan Negeri Selangor bersungguh dan mengambil peluang dalam industri pelancongan kesihatan, Kerajaan Negeri telah menganjurkan *Selangor Wellness dan Living Expo* pada dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2016 dan tahun 2017. Kerajaan Negeri juga menyokong penuh dan mengambil bahagian di dalam *Malaysian Innovative Health Care Symposium* bertempat di *International Medical University Malaysia* juga pada tahun 2017 yang lalu. Antara pasaran utama pelancongan kesihatan di negeri Selangor adalah dari negara Indonesia, Singapura dan Timur Tengah di samping Vietnam, China dan India sebagai peluang baru berdasarkan pasaran teras dan jumlah pelancong kesihatan serta potensi pertumbuhan pasaran masing-masing menurut kajian *Malaysia Health Care Travel Council*. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Seri Kembangan. Tak hadir. Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Kota Damansara, soalan saya yang ke 58.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN**

58. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-



- (a) Apakah rancangan dan dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa sekolah-sekolah kerajaan mendapat bantuan demi memastikan suasana tempat belajar dalam keadaan selesa dan selamat untuk murid-murid serta guru-guru?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Speaker dan juga Kota Damansara. Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan Program Bantuan Sekolah bermula tahun 2009 sehingga tahun ini. Program ini merupakan bantuan dana untuk penambahbaikan infrastruktur sekolah-sekolah di negeri Selangor agar selamat dan kondusif. Oleh itu sepanjang pelaksanaannya agihan bantuan yang telah diberikan kepada sekolah-sekolah seperti berikut :-

- (i) Sebanyak 400 buah Sekolah Agama Rakyat yang terdiri daripada Sekolah Tahfiz, KAFA, Madrasah dan Pondok telah menerima bantuan.
- (ii) Sebanyak 111 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan termasuk 4 buah Sekolah Menengah Persendirian Cina;
- (iii) Sebanyak 97 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil menerima bantuan dan;
- (iv) Yang terkini sebanyak 5 buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan 23 buah sekolah mubaligh turut diberikan bantuan.

Bantuan ini diagihkan mengikut keperluan sekolah-sekolah. Keutamaan yang menjadi pertimbangan pihak Kerajaan Negeri ialah isu-isu yang berkaitan keselamatan dan keselesaan dalam pembelajaran. Secara asasnya bantuan dan peruntukan untuk sekolah-sekolah kerajaan ini merupakan program-program tambahan khususnya untuk menangani kekurangan daripada peruntukan, daripada Kementerian Pendidikan sebelum ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih Tuan Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat ada beberapa sekolah yang sering mengadu kepada Kota Damansara antaranya ialah Sekolah Kebangsaan Subang Bestari I. Itu masalah dewan, Sekolah Kebangsaan U3, Subang Perdana pun mengenai masalah dewan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil RRI. Mereka ini ada isu berkenaan dengan tanah yang dijanjikan oleh Kerajaan sebanyak 6 ekar namun sampai sekarang belum ada tanda kepastian kedudukan tanah mereka untuk dipindahkan Sekolah RRI tersebut. Juga Sekolah Kebangsaan Kampung Subang ada masalah dewan dan juga Sekolah Menengah Seksyen 8, Kota Damansara juga mereka ada masalah padang.

Apakah caranya pihak Kerajaan Negeri agar sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi dapat dibantu. Sekian.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Dasar sebelum ini kita telah tetapkan untuk membantu bukannya Sekolah-sekolah Bantuan Penuh. Macam Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, ini bukan Sekolah Bantuan Penuh. Juga sekolah-sekolah Agama KAFA dan Sekolah Menengah Agama juga tidak mendapat bantuan penuh daripada Kerajaan Negeri kerana menganggap sekolah-sekolah yang tidak dapat bantuan penuh kerajaan jadi Kerajaan Negeri datang untuk menambah dan menokok sedikit sebanyak program-program mereka, infrastruktur mereka untuk keselesaan. Mutakhir ini selepas perubahan 9 Mei nampaknya begitu ramai saya mendapat maklum, ramai Ahli-ahli Dewan Negeri dan Ahli Parlimen kita dijemput ke sekolah dengan permintaannya juga berlipat kali ganda. Yang Berhormat sekalian, saya rasa kita harus Kerajaan Negeri masih kekal kepada dasar kita, Sekolah-sekolah Bantuan Penuh masih lagi dibantu sepenuhnya oleh Kerajaan *Federal* atau Persekutuan dan sebahagian besarnya sekolah-sekolah tidak ada bantuan penuh ini, sekolah-sekolah bukan bantuan penuh ini kita berikan bantuan dan sokongan. Jadi isu-isu berkenaan dengan tanah, isu-isu berkenaan dengan pengurusan yang lain yang tidak melibatkan bantuan kewangan mungkin kita boleh teruskan dan kita boleh bantu terutamanya di pihak pentadbiran dan pengurusan tanah dan galian Kerajaan Negeri. Cumanya saya kalau kita ingin merubah dasar ini sikit sebanyak ia akan mengganggu sedikit kos dan juga perbelanjaan Kerajaan Negeri kerana asasnya mengikut Jadual 9 dan Jadual 10 Perlembagaan Persekutuan Pendidikan adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Yang Berhormat, saya ingin bantu juga Sungai Tua berkenaan soalan RRI, SJK(T) RRI, memang saya memahami perkara ini. Dalam *Estate Land Board* apabila pembanguanan kuasa land telah dinyatakan 6 ekar diperuntukkan untuk Sekolah Jenis Kebangsaan (T) RRI, namun begitu tapak tersebut kenalah dipohon oleh Kementerian Pendidikan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri akan menyerahkan kepada Kementerian Pendidikan untuk pembangunan semula SJK(T) RRI. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker. Apakah pandangan Yang Amat Berhormat Sungai Tua ataupun Kerajaan Negeri, kalau kita melihat semula bantuan ini diberikan secara melihat per kapita sejajar dengan konsep penjajaran program-program semangat itu yang kerana juga berdasarkan kepada keperluan-keperluan sekolah-sekolah yang terlibat dan saya melihat bahawa ini adalah

teknikal dan kalau kita berikan kepada Jabatan-jabatan yang menguruskan secara teknikal itu lebih baik daripada segi pengurusannya, betul baik kalau ia juga ditentukan oleh Ahli-ahli Dewan tetapi saya melihat bahawa teknikal itu harus juga dilihat oleh Jabatan-jabatan yang diberikan amanah. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Saya menerima baik cadangan yang telah dikemukakan oleh sahabat saya Sijangkang bahawa selepas ini mungkin kita memerlukan maklum balas daripada jabatan berkenaan atau Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam (JAIS) ataupun Jabatan Pendidikan Negeri untuk bantuan-bantuan sekolah supaya bantuan yang diberikan itu menepati keperluan jabatan dalam masa yang sama juga menepati kehendak-kehendak yang diajukan oleh penduduk dan juga PIBG serta warga sekolah. Terima kasih kita akan cuba merujuk jabatan selepas ini, mungkin ada maklumat-maklumat tambahan untuk pengendalian bantuan-bantuan persekolahan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Balakong.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Terima kasih Tuan Speaker. Hanya ada satu lagi sebab dalam kawasan Balakong ada sekolah-sekolah yang mengalami masalah banjir, longkang sumbat dengan jalan, masalah jalan. Hanya ada satu sahaja kalau boleh, boleh tak mengutamakan aduan-aduan tentang sekolah yang tak kiranya jalan, longkang ataupun infra-infra yang lain yang kita sepatutnya PBT sepatutnya buat, kita utamakan aduan-aduan mereka. Jadi lebih senang untuk kita mengatasi masalah dekat sekolah sebab kadangkala kalau kita nak tunggu giliran untuk buat aduan kadangkala agak lambat la. Itu sahaja. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Saya menyarankan agar Balakong dan semua Ahli-ahli Dewan Negeri untuk menghubungi terus Pihak-pihak Berkuasa Tempatan terutamanya YDP untuk menangani *priority* dan keutamaan di tempat masing-masing. Sebahagian besar daripada isu-isu ini kalau Kerajaan Negeri tetapkan dan sebagainya, saya rasa sukar, sebahagiannya boleh diuruskan di Pihak Berkuasa Tempatan dan juga berhubungan dengan wakil-wakil kita iaitu Ahli-ahli Majlis yang dilantik, saya tidak ada masalah dengan *priority-priority* tersebut, cuma saya rasa ia nya boleh diutamakan melalui hubungan dan juga komunikasi dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Tuan Speaker. Dulu Ahli Dewan Negeri tak servis, tak bantu sekolah kebangsaan, tak perlu tetapi sejak lepas PRU 14

semua sekolah kebangsaan di kawasan-kawasan akan datang ke Pejabat DUN untuk bantuan tiap-tiap program mereka datang, kalau kita tak beri imej tak bagus. Jadi adakah Kerajaan Negeri akan meningkatkan peruntukan untuk Ahli Dewan Negeri.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker sebelum Yang Amat Berhormat jawab saya nak ..

**TUAN SPEAKER :** Bukit Lanjan, ini soalan pertanyaan, ini bukan perbahasan jadi saya minta Sungai Tua dulu kemudian baru Bukit Lanjan ya, baik.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Setakat ini sesuai dengan keadaan ekonomi semasa dan keadaan suasana semasa kita masih mengekalkan 800,000 dalam peruntukan Ahli-Ahli Dewan Negeri. Namun saya ingin memberitahu kat sini bukan nak taici tapi nak bagi tahu peruntukan untuk Ahli-Ahli Parlimen tahun hadapan adalah 2 juta satu parlimen jadi selain mempunyai hubungan yang baik dengan YDP masing-masing berhubung baiklah dengan Ahli Parlimen masing-masing untuk menyelesaikan persoalan dan permasalahan ini. Saya faham pejabat saya turut dihujani juga didatangi dengan jemputan-jemputan ini namun jika kita boleh mengurus sedikit sekali lagi kita kena menetapkan prioriti dan keutamaan kita. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ramai yang minat dengan pendidikan. Baik Seri Setia dulu.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN :** Hah?? Pandang sini tapi belakang rupanya.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Tuan Speaker, Taman Templer minta duduk dulu. Baik, terima kasih Yang Amat Berhormat Sungai Tua atas beberapa penjelasan tentang sekolah. Saya pun berminat juga selain daripada masalah yang diutarakan oleh sahabat saya Yang Berhormat daripada Kota Damansara masalah padang, masalah kawasan tanah yang masih belum selesai. Saya juga ada masalah tentang saya yakin hari ini ada Jabatan PERHILITAN, dalam sekolah tersebut bukan sahaja, sekolah ini adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Glenmarie yang berusia 100 tahun lebih. Keadaannya boleh dikatakan agak baik sedikit sahaja tetapi masalah melibatkan TNB dan PERHILITAN. Monyet pun tumpang sama bersekolah dan belajar dalam sekolah tersebut. Jadi saya minta ini juga diambil perhatian selain daripada peruntukan yang lain. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa maklumat-maklumat ini boleh disalurkan terus kepada pihak jabatan dan juga saya rasa boleh dimaklumkan kepada Jabatan PERHILITAN dan sebagainya untuk menangani tapi jangan bimbang tahun hadapan kita memang ada peruntukan untuk menangani

haiwan liar, mesti ingat ya kita ada peruntukan haiwan liar mungkin boleh komunikasi dengan pihak majlis tempatan untuk menangani masalah ini. Jawapan tetap ada.

**TUAN SPEAKER :** Taman Templer.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Segak Yang Amat Berhormat Menteri Besar hari ini berpakaian baju kebangsaan. Walaupun puji tetap 800,000 juga Sungai Kandis. Kita mendengar kenyataan dari Yang Berhormat Menteri Pelajaran atau Menteri Pendidikan menyatakan tahun hadapan Kementerian Pendidikan ataupun Pelajaran, dia Kementerian Pendidikan ke Pelajaran sekarang? Kementerian Pendidikan menyatakan bahawa untuk tahun hadapan ini sekolah-sekolah akan dibekalkan dengan pembantu guru di sekolah-sekolah baik di sekolah rendah kebangsaan atau di menengah. Saya nak tanya pada Kerajaan Negeri Selangor khususnya kepada EXCO Pendidikan kita, adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat juga untuk mewujudkan jawatan pembantu guru khususnya kepada sekolah-sekolah agama di dalam Negeri Selangor baik di Sekolah Rendah Agama ataupun di Sekolah Kafa kerana kita tahu beban tugas guru-guru pada hari ini dia jugalah cikgu, dia jugalah guru, dia jugalah yang membuat soalan, dia jugalah yang membuat kerja-kerja perkeranian jadi kalau andai kata Negeri Selangor negeri yang maju, negeri yang mempunyai sumber yang begitu banyak boleh memulakan langkah ini, saya rasa Selangor...

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat terus kepada soalan.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN:** Dah puji tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Segak juga Tuan Speaker kita pada pagi ini, sekian terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Itu pun dasar baru yang akan ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan dan *In Sha Allah* kalau kena tempatnya dan ada keperluan tidak ada masalah cuma kita harus melakukan kajian dan biasanya saya nak maklumkan dasar Kerajaan Negeri ini tidak boleh terlalu tergesa-gesa. Jadi kita akan melihat keutamaan dan kepentingan terutamanya tapi daripada permohonan dan juga biasanya daripada *report* yang kita dapat daripada sekolah-sekolah dan juga institusi-institusi pendidikan di bawah Kerajaan Negeri masih lagi isu infra utama yang menjadi keutamaan mereka berbanding dengan sumber manusia ataupun modal insan untuk membantu pengurusan, itu setakat itu dan sebab itu fokus ataupun besar daripada peruntukan-peruntukan kita adalah untuk infrastruktur termasuk pembelian alatan, kerusi, kemudahan komputer dan sebagainya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 59.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PROMOSI PELANCONGAN SELANGOR SECARA BERSEPADU.**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah terdapat usaha mempromosi tempat pelancongan di seluruh Selangor dan bentuk satu pakej dan bukannya terpisah-pisahkan?

**JAWAPAN :**

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Dusun Tua, Yang Berhormat Tuan Speaker, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah melancarkan beberapa pakej pelancongan mengikut pasaran domestik dan antarabangsa . Hasil kerjasama beberapa agensi pelancongan iaitu syarikat penerbangan dan juga pihak NGO seperti MATTA- Malaysian Association of Tour Travel Agents dan MAH- Malaysian Association Hotel. Pakej pelancongan yang telah ditawarkan tersebut sememangnya di susun secara menyeluruh iaitu seluruh Negeri Selangor mengikut permintaan atau *demand* dengan izin pasaran yang mempunyai pelbagai pilihan yang boleh diubah mengikut keperluan para pelancong yang merancang jadual lawatan mereka ke Negeri Selangor. Beberapa pakej yang telah tersedia dan telah dirancang mengikut permintaan pasaran adalah seperti berikut :-

1. Untuk pasaran Jepun dan Korea, segmen pelancongan pilihan mereka adalah warisan atau *heritage* , kebudayaan atau *culture*, agro tourism, homestay, eko alam dan eko alam semula jadi. Destinasi pelancongan ialah Klang, Bandar di Raja dengan lawatan ke Istana Alam Shah, lawatan *homestay* ke Bukit Melawati, *Sky Mirrow* dan Masjid Biru Shah Alam. Pakej ini meliputi bandar-bandar Klang, Shah Alam, Kuala Selangor dan Sabak Bernam iaitu selama 4 hari 3 malam.
2. Pakej yang kedua untuk pasaran China, segmen pelancongan pilihan adalah membeli-belah, pantai, makanan, kebudayaan, warisan, eko dan alam semula jadi. Destinasi pelancongan ialah Sunway Pyramid, Mit-Sui Outlet Park, Batu Caves, Bah Kut Teh Klang, Durian SS2, Sekinchan dan Dong Zen Temple di

Kuala Langat. Pakej ini meliputi bandar-bandar Klang, Subang Jaya, Sepang, Gombak, Petaling Jaya dan Sabak Bernam untuk 3 hari 2 malam.

3. Pakej yang ketiga untuk pasaran Eropah, segmen pelancongan pilihan adalah eko dan alam semula jadi, sukan lasak atau *adventure*, warisan, kebudayaan dan pelancongan mewah *luxury* . Destinasi pelancongan ialah Kuala Kubu Bharu, Bukit Jugra, Batu Caves, Klang, Avani Sepang Gold Coast Resort dan Bandar Diraja Klang. Pakej ini meliputi seluruh Negeri Selangor selama 8 hari 7 malam. Dia berkonsepkan *ride and travel* pakej.
4. Pakej yang keempat untuk pasaran India dan Timur Tengah, segmen pelancongan pilihan adalah taman tema, membeli belah, pelancongan *maxwell*, pelancongan mewah atau *luxury* , pelancongan sukan dan pelancongan pendidikan. Destinasi pelancongan ialah Sunway Lagoon, Cyberjaya, Mit-Sui Outlet Park, One Utama, Sepang dan Sepang International Circuit. Pakej ini meliputi bandar-bandar Sepang, Petaling Jaya, Subang Jaya dan Shah Alam untuk 5 hari 4 malam.
5. Untuk pasaran Asian, segmen pelancongan pilihan ialah membeli belah, agro, homestay, makanan,kebudayaan, warisan alam semula jadi, pelancongan kesihatan dan taman tema. Destinasi pelancongan ialah Sunway Medical Centre, Sate Kajang, homestay, Kidzania,The Curve dan I-City Shah Alam. Pakej ini meliputi bandar-bandar Sepang, Kajang, Petaling Jaya, Kuala Selangor, Klang, Shah Alam, Subang Jaya selama 3 hari 2 malam. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM** : Yang Berhormat Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Gombak Setia.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan terima kasih EXCO di atas jawapan kepada Dusun Tua sebentar tadi. Saya kira kita di Selangor ini berhadapan dengan masalah di mana ramai pelancong yang hadir ke Negeri Selangor itu kerana dia turun di KLIA yang mana berada di Negeri Selangor, namun pelancong selepas tiba di KLIA, dia keluar daripada Negeri Selangor, dia tidak melancong dan dia tidak *spent* dengan izin perbelanjaan atau duit dia di Negeri Selangor sebab kita gagal untuk pakejkan produk-produk yang ada di Negeri Selangor ini dengan baik. Kita bukan tanya pakej yang ada di Negeri Selangor ini 3 hari 2 malam dan sebagainya tapi saya kira pakej-pakej, produk-produk pelancongan ini perlu dipakejkan dengan baik supaya ada satu eko sistem pelancongan di Negeri Selangor dan akhirnya mereka boleh datang ke Negeri Selangor ini 3 hari 2 malam ke



5 hari 4 malam ke tak kisah untuk mereka belanja di Negeri Selangor. Jadi soalan saya untuk Yang Berhormat EXCO ialah bagaimana kita boleh mepakejkan produk-produk ini dengan baik dan khususnya dalam produk pelancongan kesihatan dalam soalan saya sebelum ini tadi ialah bagaimana kita boleh pakejkan hospital-hospital yang ada di Negeri Selangor ini dengan baik supaya akhirnya kita juga boleh menjadi peneraju dalam sektor pelancongan kesihatan sebagaimana yang ada di Negeri Melaka dan di Negeri Pulau Pinang hari ini.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pakej perubatan khasnya kita telah mengenal pasti 30 hospital kerajaan dan swasta yang berpotensi untuk menjadi pakar dalam penjagaan kesihatan antarabangsa di peringkat rantau Asean, domestik dan antarabangsa. Hospital-hospital ini menawarkan fasilitas-fasilitas mengikut kriteria untuk menerima pelancong. Beberapa pakej pelancongan dan sesi rawatan mengikut pasaran yang telah ditawarkan kepada pesakit-pesakit serta keluarga untuk memberi keperluan melawat beberapa tempat yang menarik khususnya sekitar bandar yang berdekatan terutama Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya kata semalam, hasil daripada program-program dan juga simposium yang telah kita lakukan bersama-sama dengan beberapa pihak pelancongan dan juga industri perubatan, salah sebuah hospital telah diiktiraf di peringkat dunia sebagai sebuah hospital yang telah merawat hampir 500,000 pesakit dalam tempoh 2 tahun dan 30,000 pesakit-pesakit adalah pesakit-pesakit daripada 130 negara. Jadi jelas di sini menunjukkan bahawa pesakit-pesakit antarabangsa telah memilih Selangor sebagai tempat mereka mendapatkan rawatan dan kita akan teruskan usaha-usaha ini untuk menambahkan lagi pelawat-pelawat ataupun pesakit-pesakit daripada luar negara untuk datang Selangor dan mendapat rawatan di sini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Terima kasih atas jawapan EXCO. Saya bersetuju dengan Gombak Setia antara penekanan yang ditekan oleh dalam soalan saya ialah berkenaan promosi seperti mana yang kalau kita lihat di Tol KLIA itu sendiri kita kurang nampak promosi bersepadu tentang kawasan-kawasan pelancongan di Selangor. Saya ambil contoh di Taiwan misalnya kalau kita turun di MRT dia dah letak Taipei misalnya mana tempat-tempat yang sebagainya dalam *design* yang cantik. Jadi sebab itu saya nak tahu. Soalan saya seterusnya apakah usaha kerajaan untuk melibatkan anak-anak syarikat seperti Selgate untuk terlibat sama dalam cerita eko sistem pelancongan ini.



**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, kita melalui Tourism Selangor mengadakan banyak kolaborasi dengan syarikat-syarikat pelancongan di negara ini terutamanya di Selangor lebih kurang ada 55 syarikat pelancongan yang bersama-sama kita dalam usaha membawa masuk pelancong-pelancong masuk melancong ke Negeri Selangor dan baru-baru ini saya telah berjumpa dengan Malaysia Airport Berhad dan mereka telah bersetuju untuk meletakkan papan tanda, ataupun *banner* ataupun *billboard* di KLIA 1 dan KLIA 2 dan Air Asia telah bersetuju untuk menempatkan *billboard* jadi dalam masa terdekat ini *billboard* itu telah dipasang semua pelancong-pelancong yang akan turun ke KLIA 1, KLIA 2 akan nampak kita punya *billboard* dan sudah tentu mereka akan datang ke Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Tuan Speaker. Salah satu tarikan Yang Berhormat EXCO tak *mention* dari segi sukan. Saya dapati banyak negara-negara tarikan ke negara mereka adalah majlis sukan seperti Golf. Banyak orang kita ke luar negeri pergi main Golf jadi saya tidak nampak satu *package* untuk Negeri Selangor dalam bahagian ini sebab kita ada banyak padang-padang Golf satu negeri. Jadi saya nak tanya adakah usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk menarik pelancong.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat Ijok sebenarnya kita telah memulakan *Package Golf*. Salah satu package yang terbaru yang kita masukkan dalam Package-package Pelancongan Selangor. Buat masa ini sekarang ini sebenarnya satu Pertandingan Golf telah sedang berlangsung sekarang ini di Kelab Golf Saujana di mana Tourism Selangor mengambil bahagian dalam sukan tersebut dengan mengadakan promosi sukan tersebut iaitu PDM Malaysia dengan *dessension* oleh Asian Development Tour dan dalam pertandingan ini pemain-pemain Golf tempatan dan juga pemain-pemain Golf antarabangsa ramai sekarang ini sedang berada di Kelab Golf Saujana untuk mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Selain daripada itu saya juga telah mencadangkan kepada Kerajaan Negeri iaitu kita akan *reactivate* dengan izin Selangor Open di mana Selangor Open ini telah diberhentikan pada tahun 2014. Jadi saya telah cadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk hidupkan semula Selangor Open kerana Selangor Open ini bertaraf liga antarabangsa dimana pemain-pemainnya adalah pemain daripada seluruh dunia akan datang Selangor untuk bermain pada masa yang sama mereka akan datang bersama-sama keluarga anak isteri dan sebagainya dan sudah tentu ini menambahkan sedikit jumlah pelancong ke Negeri Selangor. Terima Kasih Y.B.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Soalan Tambahan. Dulu.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Taman Templer.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Tuan Speaker.  
Soalan 60.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : PERKAHWINAN BAWAH UMUR**

60. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa permohonan dan kelulusan untuk perkahwinan di bawah umur 18 yang dicatatkan untuk tahun 2018 sehingga 31 Oktober di Negeri Selangor?
- b) Sila senaraikan butiran termasuk jantina, kaum dan permohonan mengikut daerah di Negeri Selangor.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Bukit Lanjan atas soalan yang dikemukakan dan saya minta izin untuk menjawab soalan 60 ini bersekali dengan soalan Kampung Tunku bagi soalan giliran ke 82. Pertama berdasarkan daripada rekod pendaftaran kes di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor jumlah permohonan kebenaran nikah bawah umur berdasarkan peruntukan sedia ada iaitu lelaki kurang 18 tahun dan perempuan kurang 16 tahun ini sebelum pindaan yang dibuat tempoh hari bagi Orang Islam yang didaftarkan di negeri ini bagi tahun 2018 sehingga 31 Oktober adalah sebanyak 48 kes. Daripada jumlah tersebut sebanyak 34 permohonan diluluskan dan 14 permohonan di tolak data terperinci saya akan berikan nanti mengikut daerah-daerah berapa yang dimohon dan berapa yang telah ditolak. Bagi perkahwinan bawah umur bukan Islam data tersebut ada di bawah Jabatan Pendaftaran Negara. Manakala untuk Kampung Tunku yang bertanyakan berapa banyak kah permohonan di atas kelulusan Pindaan Enakmen yang baru-baru ini kita luluskan. Jawapannya belum ada kerana Undang-undang ini akan mula dilaksanakan pada Januari 2019. Pada waktu ini sampai ke Disember kita masih menggunakan Akta Enakmen lama ataupun Enakmen yang belum digubah sebagaimana perubahan yang kita buat atau pindaan yang kita buat pada sesi yang lepas. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang.

**Y.B. DATO DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya agak spesifik kalau tidak ada jawapan mungkin boleh diberi secara bertulis. Berapa ramai kah golongan remaja kita yang lelaki di bawah umur 18 tahun dan perempuan di bawah umur 16 tahun yang ditangkap berkhawat dan menjadi kes mahkamah yang akhirnya berakhir dengan perkahwinan ataupun berakhir dengan tidak berkahwin. Kalau boleh dapat maklumat tersebut. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang itu tidak boleh saya bagi faktanya sekarang sebab saya tidak pernah mengikuti operasi-operasi tersebut. Terima kasih. Tapi saya akan berikan data tersebut kepada Yang Berhormat Sejangkang soalnya ialah berapa ramai yang ditangkap berakhirnya dengan penangkapan itu dengan perkahwinan. Jabatan sila dapatkan fakta tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sabak.

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN** : Terima kasih soalan saya agak pelik. Kita ada Enakmen Perkahwinan Bawah Umur tidak adakah Enakmen Perkahwinan Lebih Umur sebab kita nampak bahawa ada yang kemahuan ada tetapi tenaga tidak ada jadi akan menderitakan pasangannya. Jadi saya harap pada yang lebih umur disyaratkan untuk mendapatkan rawatan kesihatan kerana kemungkinan mereka akan menyeksa batin pasangannya. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat sekalian saya rasa perkahwinan bawah umur di reka dan dibentuk untuk memastikan fungsi keluarga itu dapat dikawal dan boleh di bentuk dengan baik apatah lagi bila remaja dan sebagainya itu kadang-kadang di zaman sekarang agak sukar di kawal dan kadang-kadang boleh menyebabkan beberapa perkara yang kurang enak tetapi untuk yang sudah berusia dan boleh dikatakan matang ini saya rasa boleh berfikiran sendiri jadi berfikirlah sendiri untuk kebaikan masing-masing dan jangan menyeksa pihak yang lain. Sesungguhnya kezaliman itu amat dibenci oleh Allah S.W.T. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Teratai.

**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG** : Tuan Speaker soalan saya 61.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : BANTAHAN MENGIMPLEMENTASI KUTIPAN FI PARKING DALAM KAWASAN PERINDUSTRIAN**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Pendirian Kerajaan bagi mengimplementasikan kutipan Fi Parkir dalam kawasan perindustrian?
- b) Kebanyakan Persatuan Perindustrian membantah Implementasi Fi Parkir dalam kawasan Perindustrian, adakah Kerajaan Negeri menimbang semula jika pendirian Kerajaan Negeri menyokong menjalankan kutipan Fi Parking dalam kawasan tersebut?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Teratai, terima kasih Tuan Speaker. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa kini kutipan Fi Parkir hanya dilaksanakan di beberapa kawasan perindustrian oleh beberapa PBT sahaja dengan tujuan mengawal penyalahgunaan parkir di kawasan perindustrian memandangkan terdapat banyak aduan yang diterima oleh PBT berhubung penyalahgunaan parkir di kawasan perindustrian. Penyalahgunaan parkir ini termasuk meletakkan kenderaan berat dan jentera berat kepunyaan industri di kawasan parkir awam serta menjadikan parkir awam sebagai tempat letak kenderaan buruk atau kenderaan rosak.

**TUAN SPEAKER :** Permatang.

**Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN :** Tuan Speaker soalan saya nombor 62.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : WIFI SELANGORKU**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berpuas hati dengan prestasi perkhidmatan WIFI Selangorku?

- b) Mengapakah khidmat WIFI Selangorku ini masih terlalu kurang di kawasan luar bandar khususnya di kawasan Permatang?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat Pematang yang begitu prihatin terhadap WIFI di kawasan beliau. Untuk makluman Yang Berhormat prestasi perkhidmatan WIFI Smart Selangor sentiasa dalam pemantauan dan usaha untuk mempertingkatkan kelajuan serta liputan Smart Selangor sentiasa dijalankan bersama pihak pembekal secara keseluruhannya prestasi perkhidmatan WIFI Smart Selangor adalah memuaskan di mana jaminan tahap perkhidmatan adalah dalam lingkungan 95% iaitu berada dalam julat yang telah dipersetujui. Penggunaan berdaftar telah bertambah kepada bilangan 1,143,855 orang dalam tempoh 3 tahun sejak WIFI Smart Selangor mula beroperasi iaitu pada bulan September 2015. Untuk menjawab soalan kedua terdapat 15 *hotspot* WIFI Smart Selangor di dalam kawasan DUN Permatang yang meliputi Dewan Pusat Khidmat Rakyat, Perpustakaan Desa, Surau, Masjid, Klinik dan lain-lain tempat tumpuan orang ramai seperti restoran dan kedai makan. Namun begitu usaha untuk memperluaskan liputan WIFI Smart Selangor di kawasan DUN Permatang masih tertakluk kepada ketersediaan *infrastructure* jaringan teras iaitu *core network infrastructure* dengan izin tiap pembekal ke kawasan sasaran tersebut dalam hal ini pihak pembekal masih belum mempunyai *infrastructure* jaringan teras yang diperlukan untuk sistem komunikasi jalur lebar yang berhampiran dengan kawasan-kawasan tersebut. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Kuang.

**Y.B. TUAN SALLEHUDDIN BIN AMIRUDDIN** : Soalan tambahan EXCO Yang Berhormat. Saya nak tanya berapa banyak WIFI Smart Selangor ini yang beroperasi di Kuang. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Yang ini bilangan saya akan bagi secara bertulis sekarang saya tidak ada bilangan itu.

**TUAN SPEAKER** : Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Terima Kasih Tuan Speaker soalan saya sama dengan soalan Kuang. Memang tidak ada sebarang signal di Jeram WIFI. Terima kasih. Bolehlah bagi secara bertulis.

**TUAN SPEAKER** : Kalau yang minta butiran-butiran itu kalau boleh Yang Berhormat lain kali kita kemukakan soalan pertanyaan bertulis itu mudah untuk pihak Kerajaan menyediakan soalan ya. Ambil maklum.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Bukan minta bertulis Tuan Speaker tetapi bila soalan Kuang itu tidak boleh dijawab memandangkan tiada fakta jadi saya pun minta bertulis juga.

**TUAN SPEAKER** : Mengambil maklum perkara-perkara sedemikian. Ya Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Saya nak jawab.

**TUAN SPEAKER** : Oh nak jawab.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Untuk menjawab soalan pertanyaan dari Jeram ini di kawasan DUN Jeram Terdapat 45 AP, *access point* yang beroperasi untuk WIFI Smart Selangor setakat ini. Usaha untuk meningkatkan liputan kawasan WIFI Smart Selangor akan terus dilaksanakan secara berperingkat dengan keutamaan diberi kepada tempat tumpuan awam, walau bagaimanapun ia masih tertakluk kepada ketersediaan infrastruktur jalur lebar pihak pembekal di kawasan tersebut. Yang 45 kawasan ini adalah seperti berikut. Nak saya baca satu-satu ya. Yang Pertama Pusat Desa, Balai Masyarakat, Dewan Saujana Utama, keempat Surau Taman Pekerti, kelima Medan Selera, keenam Pejabat Ahli Majlis, MDKS, ketujuh Perpustakaan Desa Bukit Kerayong PNN, kelapan Perpustakaan Desa Jeram, sembilan PDT Kuala Selangor, sepuluh PDT Kuala Selangor, sebelas PDT Kuala Selangor dua belas pun sama, tiga belas pun sama ini *hotspot* WIFI ya yang keempat belas Perpustakaan Desa Bandar Puncak Alam yang kelima belas Perpustakaan Desa Parit Mahang, enam belas Pusat Khidmat Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat saya rasa di kawasan Pejabat Yang Berhormat, yang ketujuh belas Pangsapuri Astana Alam dua, lapan belas Surau Asobbirin, sembilan belas Surau Pantai Remis Jeram, dua puluh Surau Taman Desa Mahang, dua puluh satu Koperasi Bukit Cherakah, yang ke dua puluh dua Koperasi Felda Bukit Cherakah, dua puluh tiga Surau Al Hidayah Saujana Utama, dua puluh empat Masjid Annur, dua puluh lima Masjid Saujana Utama, dua puluh enam Masjid Saujana Utama, SRA Batu 19, dua puluh lapan Surau Orang Ramai Jeram, dua puluh sembilan Dewan MDKS Sungai Buloh, tiga puluh Medan Selera Sungai Buloh, tiga puluh satu Restoran Barakah Tali, tiga puluh dua Kedai Makan dan Minum Haji Abdul Rahman, tiga puluh tiga Hong Eng Seefood Restoran, tiga puluh empat Masjid Jamiah Riduan, tiga lima Perpustakaan Desa Jeram Batu 19, tiga puluh enam Medan Bakar, tiga puluh tujuh Aroma Ikan Bakar, tiga lapan Masjid Nurulhidayah.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Yang Berhormat ECO yang sebenarnya banyak yang sudah pergi DUN-DUN lain maksudnya dari segi Saujana dari

segi Parit Mahang banyak tapi yang Kuala Selangor melwatinya tidak banyak seperti tempat lain. Jadi tidak apa nanti saya akan dapatkan *list* yang untuk di kawasan saya Jeram dan saya nak tahu dari segi keluasan kalau di letakkan di sesuatu tempat contohnya di perpustakaan kita hendak tahu sejauh mana jarak yang ia boleh dapat ia boleh *ditect area* WIFI keluasan dia itu. Yang keduanya adakah dia berfungsi iaitu yang kita nak tahu sebab saya bercakap ini semata-mata nak *argue* dengan Yang Berhormat EXCO tapi memang tidak ada sebab apa saya boleh ambil satu contoh di mana saya pernah menggunakan telefon pun dalam kawasan tidak dapat apa tah lagi WIFI.

**TUAN SPEAKER** : Maknanya soalan yang tambahan Yang Berhormat itu adalah kerana tidak ada liputan itu, itu sahaja.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Saya harap Yang Berhormat boleh pergi ke tempat-tempat WIFI kita akan usahakan dan pada masa yang sama kalau ada masalah boleh terus menghubungi pejabat saya so kita boleh untuk sama-sama membaiki keadaan yang sedia ada.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker soalan tambahan saya adalah bagaimana ataupun apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan tahap pencapaian di setiap *hotspot-hotspot Wi-Fi* ini mencapai tahap yang dikehendaki seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Exco sebelum ini di dalam kawasan DUN Sungai Panjang mempunyai 96 *hotspot*. Tetapi apabila saya balik ke kawasan ada beberapa tempat terutama di kawasan Hujung Sungai Panjang, Parit 16, Belia dan sebagainya ada rakan-rakan kita memaklumkan bahawa capaian ataupun liputan itu tidak mencapai tahap yang sepatutnya. Jadi, apakah dasar ataupun pendirian kerajaan adakah kita perlu bergantung pada kuantiti ataupun kualiti? Terima kasih.

**YB TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Panjang. Untuk buat masa ini pihak saya masih dalam perbincangan dengan pihak TM untuk mengenal pasti *fiberisation plan* TM untuk tahun 2019 dengan 2020. Dulu kita tak, TM tak kerjasama dengan kita. So, susah sikit, kerajaan berlainan sekarang tak ada dah. So, sekarang TM berlumba-lumba bekerjasama dengan kerajaan negeri Selangor. Dari segi pemasangan *access point*, pihak saya juga sedang berbincang dengan TM untuk mengenal pasti kaedah yang boleh membantu bagi mempercepatkan perkhidmatan jalur lebar dipasang di kawasan strategik. Terutama tempat tumpuan awam di luar

bandar. Di samping itu usaha untuk berbincang dengan pihak Celcom untuk mengenal pasti liputan perkhidmatan 4G di kawasan luar bandar bagi memasang *mobile access point*. Sebagai alternatif pilihan bagi perkhidmatan *Wi-Fi*. Pada masa yang sama pihak MBI melalui anak syarikatnya *Smart Cell* juga sedang membangunkan rangkaian jalur lebar sendiri. *Smart Cell* mempunyai perancangan lima tahun di mana akan terdapat 12 *note* ataupun pusat rangkaian yang di bina secara peringkat di seluruh negeri Selangor. Perkhidmatan pertama daripada *Smart Cell* dijangka dilancarkan dalam suku pertama 2019 iaitu kita akan melancarkan *Wi-Fi Smart Selangor 2.0* pada suku pertama 2019 di mana dia memberi kelajuan yang lebih pantas, cepat dan juga liputan lebih luas. Dan pusat rangkaian akan dibina pada 2019 adalah di Shah Alam, di Kelang dan Kuala Selangor. Seterusnya kita akan sampai ke Sungai Panjang. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SIAN** : Soalan Tambahan. Terima kasih Tuan Speaker. Soalan ke 63.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK** : **TANAH PERTANIAN KONTAN DI SUNGAI KERAMBU, KUALA LANGAT**

63. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah langkah yang telah diambil oleh Jabatan Perhutanan untuk memutihkan tanah-tanah pertanian kontan yang telah diusahakan oleh para petani di kawasan Hutan Simpanan Sungai Kerambu, Kuala Langat Selatan?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat Banting. Saya rasa soalan ini saya telah pun jawab semasa penggulungan saya dalam Perbahasan Jawatankuasa untuk Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Tapi saya akan memberi sedikit ulangan di sini berkenaan pertanian kontan ya, di Sungai Kerambu, Kuala Langat. Yang dimaksudkan adalah kawasan kompartmen 47, Hutan Simpan Kuala Langat, Selatan. Dan kita Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sedang menyediakan kertas untuk usaha untuk memutihkan kawasan tersebut memandangkan kawasan tersebut merupakan satu kawasan di mana petani-petani telah pun berusaha lebih daripada 30 tahun dah. Dan mereka tidak merosakkan hutan. Mereka hanya



menghasilkan produk-produk yang saya rasa masih kita lagi boleh terima iaitu jagung, halia, kunyit, ubi keledek dan ubi kayu. Dia bukan satu pertanian yang besar-besaran macam kelapa sawit. Bukan. Ia hanya untuk hasil keluaran untuk tempatan dan luar negara juga. Dan kertas sedang disediakan kita akan memberi permit penggunaan. Dan sekarang dalam peringkat akhir dan kita akan selepas saya teliti saya akan bawa ke MTES or MMKN untuk diluluskan. So, saya harap Yang Berhormat Banting boleh bersabar sikit dah tunggu 30 tahun. Ini masalah dulu, sekarang kita nak selesai sebab dulu kerajaan Barisan Nasional memberi laluan hutan simpan pun dia sapu, Hutan simpan pun dia bagi orang untuk terokai tapi sekarang kita nak putihkan. Itu usaha kita.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih. Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanyakan kepada Exco apakah anggaran masa yang diperlukan untuk keseluruhan proses ini dimuktamadkan memandangkan perkara ini telah pun ditegur oleh Jabatan Audit Negara dan juga perkara ini juga mendapat perhatian yang sangat serius di peringkat tempatan kerana penduduk-penduduk dan petani mahu aktiviti pertanian ini setanding dengan Sekinchan malahan mereka mahu sehebat Sekinchan atau lebih hebat daripada Sekinchan supaya mereka boleh wujudkan satu sistem ekonomi yang lebih canggih da. Sama-sama kita menyumbang kepada ekonomi kerajaan negeri Selangor supaya dia mendapat menjana pendapatan kepada orang petani di situ.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Sekarang kita telah pun kenal pasti kawasan yang terlibat yang penting kita kena kenal pasti lot-lot yang terlibat dahulu. Iyalah saya harap tahun depan kita akan selesaikan perkara ini. So, saya harap Yang Berhormat Banting, bersabar, bersabar dan seterusnya bersabar juga ya.

**TUAN SPEAKER** : Sebelum saya teruskan soalan seterusnya saya ingin ingatkan sekali lagi kepada semua ya, Ahli Dewan Negeri dan juga pemerhati yang hadir tolong ya padamkan telefon bimbit anda kerana telefon bimbit anda akan mengganggu perjalanan sidang dewan ini. Ini peringatan, kalau ada lagi yang berlaku kita akan ambil tindakan ya. Saya persilakan Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya nombor 64.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : SKIM CERIA**

64. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah permohonan Skim Ceria mengikut pecahan DUN sejak tahun 2008 sehingga kini?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih kepada Pelabuhan Klang yang membangkitkan perkara berkaitan dengan skim ceria di Pelabuhan Klang. Untuk makluman Pelabuhan Klang, maklumat yang kita ada adalah mengikut Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi saya baca secara ringkas dulu tentang skim-skim ataupun mereka yang telah menerima skim ceria ya mengikut PBT :-

<b>PBT</b>	<b>JUMLAH PROJEK SKIM CERIA</b>
<b>MBSA</b>	<b>36</b>
<b>MBPJ</b>	<b>57</b>
<b>MPK</b>	<b>24</b>
<b>MPSJ</b>	<b>38</b>
<b>MPAJ</b>	<b>50</b>
<b>MPKj</b>	<b>32</b>
<b>MPS</b>	<b>28</b>
<b>MPSp</b>	<b>8</b>
<b>MDHS</b>	<b>2</b>
<b>MDKS</b>	<b>2</b>
<b>MDKL</b>	<b>5</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>282</b>

Jumlah keseluruhan dua ratus lapan puluh dua projek bernilai RM95,631,186. Saya akan baca taman pangsapuri yang menerima DMPK, ada 24 kesemuanya.

<b>PANGSAPURI</b>	<b>JENIS BANTUAN DIPERLUKAN</b>
Pangsapuri Blok Mawar Dan Cempaka	Baik Pulih Lif
Pangsapuri Pandama 7A	Lif
Taman Permai Indah	Lif
Pangsapuri Dahlia, Persiaran Bukit Raja	Lif
Blok C, D, E dan F Flat Sri Bahtera	Salur Pembetungan

Bandar Armada Putera	
Pangsapuri Pandama 7D Jalan Pandamaran	Lif,
Apartmen Sri Bayu, Taman Bayu Perdana	Cat
Pangsapuri Mutiara Bukit Raja 2	Bumbung
Pangsapuri Golden Villa Blok G, Klang	Lif
Pangsapuri Villa Sentosa,	Lif
Pangsapuri Taman Permai Pandamaran	Tangki Air
Pangsapuri Jalan Sentol,	Tangki Air
Flat C Bahtera Blok D,	Bumbung
Flat Bunga Raya	Bumbung dan Tangki Air
Taman Impian Sentosa	Lif
Pangsapuri Bunga Raya	Bumbung
Flat Sri Bahtera	Bumbung
Pangsapuri Impian Sentosa Blok A,B Dan C	Lif
Pangsapuri Golden Villa Blok A, B, C, D, F Dan H,	Lif
Bayu Villa	Migrasi Meter Air
Klang Villa	Migrasi Meter Air
<b>JUMLAH MPK TERIMA</b>	<b>10,179,928.04</b>

Jumlah keseluruhannya yang MPK terima adalah 10,179,928.04. Terima kasih.

**Y.B. TUAN AZMIZAN BIN ZAMAN HURI** : Soalan tambahan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAN BIN ZAMAN HURI** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Exco yang menerangkan tentang jumlah semua skim ceria mengikut pecahan PBT di mana 95juta dibelanjakan untuk 282 projek selama ini. Dan saya ingin mencadangkan sedikitlah. Memandangkan selepas 9 Mei 2018 kita dah boleh bekerjasama dengan Putrajaya adalah digalakkan selepas ini untuk supaya kerajaan negeri bagi melakukan penjimatan kita bekerjasama dengan pihak Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Saya mengambil contoh, baikpulih yang dibuat oleh KPKT di kawasan Flat Taman Kem. Di mana dalam masa yang sama juga skim ceria ada di sini, saya dimaklumkan itu adalah daripada skim ceria bermakna KPKT memperbaiki bumbung dan dalam masa yang sama skim ceria cat bangunan dalam masa yang sama juga peruntukkan MARRIS masuk untuk turap jalan di kawasan Flat Taman Kem tersebut.

Jadi saya lihat semua agensi tertumpu di satu kawasan tetapi dalam masa yang sama ada lagi kawasan-kawasan lain yang tidak mendapat apa-apa sumbangan daripada pihak kerajaan. Jadi adalah lebih baik selepas ini pihak kerajaan negeri bekerjasama dengan pihak KPKT supaya tidak bertindih peruntukan hanya tertumpu di satu kawasan sahaja sedangkan ada lagi kawasan-kawasan lain yang memerlukan bantuan dan sumbangan daripada pihak kerajaan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Baik. Terima kasih kepada Pelabuhan Klang. Kita juga berpendirian sama kerana kita telah pun mengemukakan senarai baik pulih kepada KPKT untuk tahun ini kerana peruntukkan untuk skim ceria ini sudah habis digunakan. Jadi untuk tahun depan juga kita akan melakukan perkara yang sama hanya saya mohon supaya permohonan yang dibuat itu kita mendapat salinan. Kalau sekiranya permohonan itu dibuat terus kepada KPKT oleh pihak ADUN sendiri, salinan kepada kita supaya kita maklum tentang permohonan itu telah dibuat jadi kita tidak akan sepertimana yang disebut tadi, tertumpu pada satu rumah pangsapuri sahaja. Jadi itu cadangan saya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI** : Sedikit lagi. Saya membangkitkan perkara ini di dalam Dewan kerana selama ini saya tidak pasti dengan DUN-DUN yang lain, tetapi untuk Pelabuhan Klang sewaktu saya menjadi penyelaras, kita memang tidak dimaklumkan dan tidak tahu. Hari ini baru saya tahu ada banyak yang dapat skim ceria di kawasan Majlis Perbandaran Klang dan ada beberapa pangsapuri yang dimaklumkan itu adalah terletak dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang cuma saya harap selepas ini pihak PBT bolehlah memaklumkan kepada pihak pejabat DUN, mana-mana ada JMB yang membuat permohonan terus kepada pihak COB di mana-mana PBT di dalam negeri Selangor.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Pelabuhan Klang sebenarnya boleh akses kepada maklumat ini terus daripada PBT sebenarnya tidak ada ini bukan rahsia kerajaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya yang ke soalan 65.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : BANTUAN KEWANGAN KEPADA SEKOLAH BANTUAN SEPENUH  
KERAJAAN PERSEKUTUAN**

65. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Selangor akan membantu sekolah bantuan sepenuh Kerajaan Persekutuan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Speaker dan Pandamaran yang bertanyakan soalan. Saya rasa ini telah sedikit sebanyak berkaitan dengan soalan sebentar tadi. Khususnya daripada soalan yang saya jawab awal tadi bahawa kerajaan negeri melaksanakan agihan bantuan kepada sekolah-sekolah bukan bantuan penuh kerajaan persekutuan melalui program bantuan sekolah semenjak sebagaimana yang sama umumkan dengan agihan seperti berikut iaitu :-

<b>JENIS SEKOLAH</b>	<b>BANTUAN KEWANGAN</b>
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	6 juta
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil	5 juta
Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Dan Juga Ssekolah Mubaligh	1 juta

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, 6 juta, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, 5 juta. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan juga Sekolah Mubaligh, 1 juta di samping Sekolah-Sekolah Agama Kafa. Jadi kerajaan negeri belum lagi melakukan sebarang anjakan polisi untuk memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah penuh memandangkan bantuan ataupun peruntukan-peruntukan tersebut datangnya secara terus daripada kerajaan persekutuan untuk sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 66.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN PBT**

66. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pendapatan dan perbelanjaan di setiap PBT Selangor.
- b) Nyatakan cara Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu PBT yang menghadapi kekurangan pendapatan berbanding PBT seperti MBPJ, MBSA dan MPSJ.
- c) PBT seperti MPS menghadapi kekurangan kakitangan untuk kerja penguatkuasaan, apakah cara penyelesaian?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Rawang bertanya pendapatan dan perbelanjaan di setiap PBT Selangor. Oleh kerana ia melibatkan banyak angka saya akan menjawab soalan ini secara bertulis. Dan berkenaan soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Rawang, kerajaan negeri sentiasa mematuhi eh memantau kutipan cukai taksiran bagi semua PBT bertaraf Bandaraya, Perbandaran mahupun Daerah melalui mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Negeri bagi memastikan kutipan memenuhi sasaran berikutan ianya merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT negeri Selangor. Selain itu PBT juga memberi fokus untuk meningkatkan aktiviti hasil bukan cukai dalam usaha meningkatkan hasil yang ternyata akan memperkukuhkan rizab majlis. Dalam usaha memperkukuhkan rizab dan sekali gus memberi perkhidmatan yang berkualiti, cepat dan mesra kepada rakyat, kerajaan negeri telah menetapkan dasar perbelanjaan berhemah dan kawalan tunai yang berkesan bagi membantu meningkatkan rizab PBT negeri Selangor melalui belanjawan yang diluluskan. Walau bagaimanapun, PBT juga perlu mengawal dan memastikan perbelanjaan yang dikeluarkan seimbang dengan hasil yang berjaya dikutip.

Bagi soalan yang seterusnya. MPS. YB Rawang bertanya MPS (Majlis Perbandaran Selayang) menghadapi kekurangan anggota penguatkuasaan. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Perbandaran Selayang mempunyai 148 orang penguat kuasa bagi menampung kawasan keseluruhan operasi yang berkeluasan 549.23 kilometer per segi. Kekurangan kakitangan penguat kuasa ini perlu segera ditangani serta

mewujudkan warta perjawatan tetap dan kontrak dengan memohon waran perjawatan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun JPA. Terima kasih.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT** : Soalan tambahan. Ok. Disebabkan sebelum ini saya merupakan ahli majlis juga dan perkara-perkara sentiasa mengatakan di majlis perbandaran, mereka (bajet mereka) memang kurang. Dan bajet yang diagihkan kepada pembangunan di kawasan itu memang kurang. Adakah kerajaan negeri akan memberi satu geran ke atau bantuan kepada PBT-PBT yang memerlukan seperti MPS?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Dari segi kewangan, saya nampak Majlis Perbandaran Selayang masih dalam keadaan yang sangat sihat dan sangat baik. Saya tak nampak ada keperluan bagi kerajaan negeri untuk memberi bantuan kewangan kepada Majlis Perbandaran Selayang. Sekiranya pendapatan masih tidak mencukupi, saya rasa ada banyak peluang lagi bagi Majlis Perbandaran Selayang untuk menambah hasil daripada segi yang lain. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Ijok nombor 67.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : HAIWAN LIAR**

67. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Sub-soalan telah ditolak;
- b) Apakah kaedah atau cara yang berkesan untuk membendung dan menyelesaikan masalah ini?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih. Soalan yang ditimbulkan oleh YB Ijok selama lima tahun. Dan untuk makluman YB Ijok, monyet dan beruk memang di bawah kawal selia oleh Perhilitan ya. Tapi anjing ini di bawah PBT ya. PBT. So saya harap Exco Yang Berhormat, PBT juga ambil berat tentang anjing-anjing liar ini yang saya rasa mereka memang ada kaedah yang berlainan untuk memastikan anjing liar ini populasinya tidak bertambah dengan mendadak ini.

Untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ijok, seiring dengan pembangunan yang rancak di negeri Selangor ini, gangguan kera atau monyet menunjukkan kadar peningkatan setiap tahun dan membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Peningkatan jumlah Adun yang terima saban tahun menjadi cabaran kepada kerajaan negeri dalam menangani konflik hidupan liar. Oleh itu kerajaan negeri melalui Jabatan Perhilitan telah menjalankan pelbagai inisiatif dan langkah pengawalan.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak jabatan bagi mengawal populasi dan mengatasi aduan gangguan hidupan liar seperti berikut adalah berdasarkan kepada prosedur yang ditetapkan bagi menjamin keselamatan dan kelestarian spesies hidupan liar tersebut. Mengawal populasi konflik dengan menjalankan tindakan penakaian iaitu *querying* yang merupakan kaedah biasa yang diamalkan dalam pengurusan hidupan liar. Kaedah ini diguna pakai bagi mengawal populasi melalui pengurangan secara terkawal spesies konflik yang mendatangkan aduan gangguan yang tinggi. Ini bagi mengelakkan kelimpahan populasi spesies berkenaan yang boleh mendatangkan kemusnahan dan menjadikan ancaman kepada keselamatan orang awam.

Kaedah yang lain dilaksanakan di bawah tindakan adalah seperti berikut :-

- a) Tangkap, hapus. Di mana perangkap diletak di kawasan yang aduan yang bermasalah. Dan haiwan yang ditangkap akan dikurangkan melalui suntikan secara *human*;
- b) Menjalankan operasi basmi musuh tanaman bersama penduduk setempat dan *state holder* yang terlibat. Melalui kerjasama-kerjasama yang dijalankan dengan mengambil kira sensitiviti masyarakat setempat semasa menjalankan operasi tersebut;
- c) Kaedah lain mengawal secara tangkap, pindah. Di mana spesies konflik tersebut akan ditangkap menggunakan penangkap pindah dan memindah ke kawasan sekitar yang lebih luas dan jauh daripada penempatan manusia.

Antara usaha-usaha strategik pengurusan konflik hidupan liar ini sebelum tindakan penakaian dijalankan adalah menerusi inventori menyeluruh populasi kera di kawasan yang bermasalah. Selain itu, pihak jabatan dari semasa ke semasa mencuba kaedah keberkesanan pengawalan melalui rekaan-rekaan inovasi terutamanya reka cipta perangkap yang boleh digunakan untuk memerangkap binatang kera dengan banyak di samping menjimatkan kos dan masa.

Melalui peruntukan yang disalurkan kepada Jabatan Perhilitan Negeri Selangor pada tahun ini, pelbagai program kawalan seperti operasi basmi musuh tanaman yang dijalankan sebanyak 23 kali aktiviti. Program tangkapan kera swasta yang mencatatkan



tangkapan kera sebanyak 3,443 ekor kera serta pelupusan kera termasuk tangkap, pindah kera sebanyak 9,296 ekor kera sehingga September 2018 yang dicatatkan. Usaha dan tindakan yang dilaksanakan oleh pihak jabatan juga perlu mendapat sokongan dan kerjasama daripada beberapa pihak terutamanya daripada masyarakat setempat melalui sesi-sesi dialog operasi bersama dengan agensi yang terlibat. Isu-isu yang mempengaruhi pengurusan konflik hidupan liar perlu ditangani secara bersama oleh semua pihak. Kerajaan melalui Jabatan Perhilitan sentiasa mengalu-alukan pandangan daripada pelbagai pihak seperti NGO, Pihak Berkuasa Tempatan, pemaju-pemaju perumahan, masyarakat setempat dan mencari jalan serta bertukar-tukar pandangan dalam mengatasi masalah gangguan kera ini. Ini penting dalam pelaksanaan langkah kawalan yang lebih proaktif untuk jangka masa panjang. Seiring dengan itu, dalam memastikan spesies hidupan liar ini dipelihara secara lestari, pihak jabatan bertanggungjawab mengambil sebarang tindakan yang praktikal bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat terpelihara dari sebarang ancaman yang boleh mengganggu ketenteraman awam. Langkah-langkah pengurusan yang diambil oleh pihak jabatan mengambil kira pelbagai faktor dan keperluan orang ramai yang pelbagai. Oleh itu, kaedah-kaedah praktikal dan berhemah seiring dengan keperluan dan kehendak orang ramai adalah dijalankan oleh Jabatan Perhilitan di samping memulihara spesies hidupan liar ini secara lestari.

So saya berharap Yang Berhormat Ijok boleh memberikan tempat-tempat yang di mana monyet-monyet ini atau beruk-beruk ini membuat masalah kepada penduduk setempat. Saya nak tahu tempat itu supaya Perhilitan boleh turun padang dan melakukan kerja-kerja penangkapan kera-kera ini. Dan juga saya harap Yang Berhormat Ijok juga mengadukan masalah anjing liar ini kepada PBT yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Soalan tambahan. Terima kasih YB Exco. Masalah binatang liar ni memang dah lama. Tempat-tempat di Ijok itu tiap-tiap kampung menghadapi masalah binatang liar. Banyak kali telah diadakan di mesyuarat daerah pun tidak ada berkesan. Masalah binatang liar ini ialah masalah buatan manusia sendiri. Kenapa saya begitu? Sebab habitat mereka telah diambil oleh manusia. Jadi banyak langkah-langkah yang telah disebut tadi adakah KPI dia? Tidak berkesan langsung! Jadi saya harap kerajaan negeri Selangor buat satu inisiatif yang berbeza. *More scientific* seperti mengurangkan kesuburan mereka, beri tempat mereka untuk membiak, buat satu *sanctuary* (kera *sanctuary*) ia boleh mendatangkan tarikan pelancong.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, ringkaskan kepada soalan. Kalau tidak, saya tidak benarkan.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : jadi, saya nak tahu adakah inisiatif yang baru untuk mengatasi binatang liar?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Ok, terima kasih Yang Berhormat Ijok. Sebarang peruntukan tahun depan, kerajaan telah pun memberi satu jumlah yang agak besar untuk kita sama-sama untuk membendung masalah hidupan liar ini termasuk kera dan monyet. Dan untuk Yang Berhormat, masalah monyet ini dan kera ini berpunca daripada manusia juga. Di mana manusia kadang-kadang kita kerja-kerja untuk mensuapkan mereka benda makanan. Itu masalah. Sampai mereka tak mahu masuk ke hutan cari makan. Nak cari makan di luar sebab senang nak dapat. Orang bagi saja, dia makan. So ini satu perkara yang tak bagus. So saya harap orang-orang kerajaan (penduduk-penduduk), jangan (pelancong juga jangan) kita sewenang-wenangnya untuk memberi makanan kepada monyet-monyet ini. So saya akan mendapatkan maklumat daripada Perhilitan di mana di kawasan Ijok ini mana kampung-kampung yang terlibat, saya akan memberi keutamaan untuk meletak untuk perangkap kepada kera-kera ini dan kita akan tindakan. Kalau boleh (kalau banyak sangat), kalau nak hapuskan kera ini senang. Kita hanya tembak tapi tidak. Pendekatan kerajaan negeri Selangor, kita memang kita tidak ambil tindakan untuk tembak. Kita akan *handle* secara kemanusiaan ini dengan baik. Konflik kita kalau nak tembak dengan anjing dengan kera ini senang. Kita boleh hapuskan. Tapi tidak. Ini bukan kerja kita. Kita akan buat yang terbaik supaya kedua-dua manusia dengan hidupan liar ini boleh hidup dalam keadaan yang baik, yang terkawal.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Soalan tambahan. Saya, ya lah beri makan itu di tempat-tempat di Bukit Melawati, di Kuala Lumpur kita bagi makan. Tetapi ini binatang liar di hutan yang telah berhijrah ke kampung-kampung merosakkan tanaman-tanaman di kampung dan juga membahayakan anak-anak kita di kampung-kampung. *This is true reality* (dengan izin). Jadi apa Ijok nak tahu, kita ada peruntukan. Apa rancangan untuk masa depan? Yang ada, yang telah dibuat memang tak berkesan. Itulah saya nak tahu.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Kita mengambil maklum. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 68 yang saya jangka ada banyak soalan tambahan lepas itu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : APAKAH PROGRAM IPR YANG DIBATALKAN**

68. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah program Inisiatif Peduli Rakyat yang sudah dan bakal dibatalkan?

**YB PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Bukit Gasing. Saya ingat dalam beberapa hari kita bersidang ini, sudah jelas yang telah dijelaskan oleh YAB Menteri Besar bahawa kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan program-program Inisiatif Peduli Rakyat yang kita mula laksanakan daripada 2008. Dulu kita kenali sebagai Merakyat Ekonomi Selangor atau MES dan kita pun tahu telah memberi banyak manfaat kepada seluruh rakyat negeri Selangor tanpa mengira bangsa, agama, fahaman politik. Sekarang ini seperti yang telah dijelaskan, kita sedang membuat penelitian terhadap semua program IPR untuk diberi nilai tambah. Dan penambahbaikan dengan menerapkan elemen pemberdayaan pengupayaan agar penerima IPR mampu berdikari dan mengelakkan kebergantungan berterusan terhadap kerajaan negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Minta maaf Yang Berhormat, jawapan itu tidak jelas. Kita sudah tahu paling kurang Insentif Perkahwinan sudah tak ada, tapi Yang Berhormat tak senaraikan. Jadi antara 20 lebih IPR yang kita ada sebelum ini, berapa sebenarnya yang sudah tamat dan berapa yang akan berjalan? Sebab banyak rakyat ada soalan. Pusat Khidmat kami pun ada banyak soalan yang ditanya oleh penduduk. Dan kita perlu jawapan yang jelas. So, khususnya PTRS tetapi juga kepada semua program lain, apa status dia sekarang?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Yang Berhormat, saya nak sebut begini. Kalau rakyat mengharapkan ataupun kita mengharapkan bahawa program itu sedia kala dia macam kita mula dahulu hingga sekarang, program yang ada

penambahbaikannya adalah Program Insentif Perkahwinan itu yang telah diterangkan oleh YAB Menteri Besar dan Program PTRS pun akan ada penambahbaikannya, program KISS pun akan ada penambahbaikannya. Kita tidak menghentikan terus ya program-program ini kerana ia bermanfaat. Tapi kita perlu membuat penambahbaikan dan di sesetengah keadaan pemutihan Yang Berhormat kepada sasaran yang sepatutnya layak menerima. Jadi bagi saya, menjadi tanggungjawab kita untuk menjelaskan kepada rakyat. Kalau kita (apa yang kita ada) selepas ini, kita banyak kiranya bagi ikan, kita tak bagi kail. Sekarang kita nak berubah sikit, tambah baik untuk memberi kail. *Insyah Allah*. Dan saya kira tanggungjawab kita sebagai Adun juga kerana terus mendidik rakyat bahawa kita sudah 10 tahun memerintah negeri Selangor dan kita perlu membuat pembaharuan-pembaharuan ke atas program-program IPR kita. Dan *insyallah* saya rasa rakyat tidak perlu takut kecuali kalau kita mengharapkan tadi hanya memberi dan memberi dan memberi, maka sampai bila pun ia tidak akan menjadi mapan, tidak *sustainable*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Betul. Saya setuju 'tak boleh beri, beri, beri selama-lamanya'. Jadi oleh kerana perkara tersebut, saya mohon penjelasan program mana yang kita akan berhenti 'memberi, memberi' ni? Boleh tak senaraikan program mana?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Saya ingat. Minta maaf Tuan Speaker. Saya ingat tidak ada satu pun program yang kita berhentikan. Inisiatif Peduli Rakyat, Insentif Perkahwinan yang disebutkan oleh Menteri Besar semalam jelaskan bahawa ia akan dikaitkan dengan pemberdayaan, mungkin tidak bagi RM500, mungkin kurang. Dan kemudian ditambah baik dengan kita ikatkan program itu mungkin dengan satu program yang lain untuk menambah baik pengetahuan mereka, kemahiran mereka, bersedia untuk perkahwinan. Jadi bagi saya ia bukan pemberhentian. Bagi saya ialah penambahbaikan. Mungkin definisi kita berlainan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Mungkin definisi yang paling senang ialah apa manfaat yang akan berubah kepada rakyat? *I think* rakyat sangat bertanya perkara ini. So kalau dulu dapat RM500, sekarang tak dapat RM200. Kalau dulu dapat RM200 sekarang tak dapat. Itu yang penting. Ok. So, *tagging* kita nak katakan ini tambah baik. *All that it is ok*. Kita terima rasional di sebalik perubahan, tapi yang penting apa perubahan tersebut?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya sudah menyebut tadi tiga program. Pertama adalah

Insentif Perkahwinan, kedua ialah Program KISS, ketiga ialah PTRS. Setakat ini itulah tiga program yang sedang di dalam proses penambahbaikan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Seri Setia. Seri Setia.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Terima kasih Tuan Speaker. YB Exco, soal berkaitan dengan hadiah perkahwinan ini, bila saya bangkit semalam kita dapat maklum balas yang tak berapa nak seronok, tak berapa nak ceria daripada kawan-kawan (maksudnya anak-anak muda) yang akan melangsungkan perkahwinan. Dia minta tolong saya bawa juga isu ini. Dia kata kalau boleh dia nakkan juga hadiah perkahwinan sebanyak RM500 itu. Kalau andai kata kerajaan negeri tak boleh beri, saya sebutkan semalam. Tapi tidak dijawab oleh YAB Menteri Besar. Soal berkaitan betul kita nak mengadakan kursus, tapi dalam masa yang sama saya nyatakan juga kalau andai kata kerajaan negeri boleh memberikan satu insentif ataupun peruntukan kepada kami (Adun-Adun) ini untuk kita menganjurkan majlis-majlis perkahwinan perdana yang kita boleh anjurkan di DUN-DUN kita sebagai ganti kepada tidak memberikan hadiah perkahwinan RM500.

**TUAN SPEAKER** : YB Taman Templer, perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat pada perbahasan ya. Dan benda ini tidak perlu diulangkan dan saya nak ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Peraturan Tetap 24(4) di mana sesuatu pertanyaan tidak boleh dijadikan helah untuk berbahas. Jadi cukuplah. Tanya pada soalan. Tanya pada soalan, kalau tidak saya tidak benarkan. Sebab yang itu sudah diulang.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Soalan saya, boleh tak diberikan peruntukan untuk kita adakan majlis perkahwinan perdana? Terima kasih Speaker.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Templer. Saya minta maaf tadi saya lupa lagi satu. Program kita iaitu Program Air juga. TAWAS teruskan? Oh ada. Itu penambahbaikanlah. Bagi saya penambahbaikan. Minta maaf. Saya lupa Program Air tadi iaitu dalam berperingkat akan hanya ditumpukan kepada B40. *Insyallah*. Lepas itu, program TAWAS masih lagi dapat tetapi dengan kerjasama dengan kerajaan persekutuan. Kalau tidak, kita ada pertindihan di antara apa yang dilakukan oleh kerajaan persekutuan dan juga kerajaan negeri.

Saya nak menyebut mengenai apa yang disebutkan oleh YB Templer. Sebenarnya saya tidak tahulah. Saya merasakan masa saya menjadi Ahli Parlimen, sumbangan yang saya dapat itu memang tidak mencukupi tetapi saya sangat bahagia apabila saya dan Adun-Adun yang mempunyai bagi saya besar peruntukan itu. RM800,000 kita dapat satu tahun. Kalau kita rancang betul-betul Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh buat perkahwinan satu tahun sekali program kenduri beramai-ramai (misalnya). Memberi RM500 kepada pasangan yang memerlukan. Saya sendiri untuk program Dun saya dari saya jadi Ahli Parlimen, saya menyiapkan RM1,000 untuk kebakaran. Saya menyiapkan RM500 untuk pasca SPM kalau dia nak masuk belajar dan sebagainya. Dan saya menyiapkan untuk penyakit kronik sebelum saya layak menggunakan VSS RM1,000 untuk penyakit kronik. Dan bila kita menggunakan peruntukan kita dengan berhemah, *insyaallah* saya rasa mencukupi Yang Berhormat. Jadi sebagai Ahli Adun-Adun negeri Selangor ini, kita sangat bertuah sebenarnya. Tidak ada negeri Adun lain yang dapat sebanyak yang kita dapat ya. Jadi harap-harap kita terus mendidik rakyat dan terus kita memberdayakan rakyat. Kita kalau kita nak jadi negara maju, maka kita perlu membuat perubahan paradigma minda kita. Terima kasih. Bermula dengan Adun-Adun sekalian. Terima kasih.

**YB PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Melawati.

**YB PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI** : Terima kasih Tuan Speaker. YB Exco, saya ingin bertanya. Adakah terdapat penjenamaan semula kepada program-program IPR yang terlibat dengan penjajaran semula? Supaya kita ingin mengelakkan kekeliruan. Sebagai contoh Insentif Perkahwinan Belia. Kini tidak lagi diberikan dalam bentuk insentif tetapi ditukar kepada bentuk kursus. Jadi adakah terdapat penjenamaan semula kepada beberapa program yang terlibat ini? Terima kasih.

**YB PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Saya percaya. Terima kasih YB Bukit Melawati. Saya percaya perlu ada penjenamaan dan memang kita sekarang semua dalam proses kerana tidak semua program IPR di bawah saya. Jadi kita semua (standco semua) sedang berbincang apakah bentuk penjenamaan ini. Saya fikir untuk tidak ada kekeliruan, terima kasih di atas peringatan itu. Terima kasih Bukit Melawati.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Ramal. *Mic!*

**YB TUAN MAZWAN BIN JOHAR** : Soalan saya soalan nombor 69.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**YB TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : IKLAN HARAM**

69. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk membanteras pengiklanan haram pinjaman wang tidak berlesen (along) secara efektif dalam negeri Selangor?

**YB TUAN NG SZE HAN :** Tuan Speaker, soalan 69 telah dijawab sekali dengan soalan 11.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Hulu Bernam. Tak hadir? Dah lama tak hadir ya. Saya nampak. Dengkil? Tak hadir. Sijangkang? Ada hadir.

**YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Soalan nombor 72.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKAN)**

**TAJUK : DASAR INDUSTRI 4.0**

72. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapa banyakkah pelabur Industri 4.0 yang telah melakukan pelaburan di negeri Selangor sehingga kini?
- b) Apakah persiapan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi menyediakan generasi muda mahir untuk revolusi Industri 4.0 ini?

**YB DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker. Industri 4.0 atau 4.0 adalah satu konsep revolusi perindustrian yang baru diperkenalkan di negara ini. Ketika ini ianya masih di peringkat awal pelaksanaan dasar dan nilai pelaburan bagi cadangan projek-projek perkilangan yang melibatkan penggunaan Industri 4.0 dalam operasi pengeluaran masih belum dapat direkodkan. Revolusi Perindustrian Keempat atau *Fourth Industrial Revolution* melibatkan penggunaan teknologi automasi yang memberi cabaran baru kepada semua sektor industri di negara ini. Dan memerlukan perubahan

seiring dengan transformasi digital bagi mengekalkan daya saing. Industri 4.0 mencakupi penemuan pelbagai teknologi baru seperti automasi, *internet of things*, analisis dan *big data* simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan *cloud* yang bakal merancakkan lagi kemajuan landskap dunia moden dan teknologi.

Bagi menyediakan generasi muda sebagai sumber tenaga kerja yang bakal menempuh perubahan teknologi ini, pihak kerajaan negeri melalui Invest Selangor telah memulakan langkah-langkah dengan merangka dan melaksanakan beberapa program awalan seperti berikut :-

- a) Invest Selangor dan Invest Bavaria telah menandatangani MOU pada 18 Mei 2017 di Jerman dan sebagai usaha terusnya Bavaria Industrial 4.0 Work Shop telah pun diadakan pada 21 Ogos 2017 bertempat di Istana Selangor. *Work shop* ini dihadiri oleh syarikat-syarikat yang terlibat dalam Industri 4.0 dari Jerman dan juga syarikat-syarikat IKS dari Selangor;
- b) Pada 22 Mei 2017 Invest Selangor telah menandatangani MOU bersama *State Government of Victoria Australia* di Istana Selangor. MOU ini dilihat sebagai satu madah bagi kerjasama antara pemain industri Selangor dan Melbourne terutamanya dalam 9 bilah utama Revolusi 4.0. Hasil daripada MOU ini, pihak Invest Selangor ini telah dapat membantu sebuah syarikat di Selangor iaitu *CSL Block Chain Technology* yang menghasilkan *bit coin* dan aktiviti untuk *crypto currency mining* untuk mengkomersialkan dan menyenaraikan syarikat mereka di *Australia Stock Exchange* pada tahun ini;
- c) *Networking Dinner in Conjunction with the UK Mega Technology Mission to Selangor* telah diadakan pada 10 Oktober 2017. Program ini menemukan para pemain industri dari UK dan Selangor terutamanya dalam sektor IOT, analisis dan *big data*, *fintech*, *telecommunication*, *cyber security*, *cloud* dan *data analytics*;
- d) Bagi memastikan institusi pendidikan juga bersedia mengharungi revolusi ini, pihak Invest Selangor telah pun menghubungkan kerjasama di antara UNISEL dan juga Universiti Malaya. Dalam pada masa yang sama, pihak Invest Selangor telah juga mengadakan sesi dialog di antara syarikat-syarikat IKS yang mempunyai potensi di dalam Industri 4.0 seperti *Dream Edge* dan juga syarikat *Robopreneur* dengan universiti-universiti yang disebutkan seperti di atas;



- e) Dan pada 4 September 2018, PKNS Academy juga telah menjalinkan kerjasama dengan Invest Selangor dengan mengadakan program Seminar *Embracing Industry 4.0*;

Kerajaan negeri juga sentiasa bekerjasama dengan SHRDC dan juga pada 25 September 2018, program Malaysia Smart Factory (MSF) 4.0 telah dilancarkan oleh YAB Dato' Menteri Besar dan SHRDC telah menandatangani MOU bersama Swiss Smart Factory (SSF) sebagai rakan strategik untuk program tersebut. Dan dana sebanyak RM5juta telah disalurkan oleh kerajaan negeri kepada SHRDC untuk membangunkan makmal Malaysia Smart Factory 4.0 yang ditempatkan di Pusat Latihan SHRDC Shah Alam. Objektif makmal MSF 4.0 ini adalah untuk melatih generasi muda khususnya anak Selangor dalam bidang Industri 4.0 dan Smart Factory. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Masa telah tamat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11 pagi. Dengan ini saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 semua peringkat.

**TUAN Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan. Sila Bentara. Kuala Kubu Bharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak rujuk kepada muka surat 100, butiran 505800, Jabatan Hulu Selangor. Kod Objek 28000, Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang diberikan. Tuan Pengerusi, adakah jumlah yang dicatitkan RM2.092 juta itu adalah daripada peruntukan MARRIS yang diturunkan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri mengikut panjang kilometer jalan JKR Negeri. Ini adalah saya nak tahu, yang kedua, saya nampaklah tiap-tiap JKR Daerah di mana bawah Kod Objek ini semuanya menghadapi penurunan sebanyak macam 5%. Jadi kalau ini ialah peruntukan MARRIS, maka dia mengikut panjang KM, tak patutlah dia ada. Semua JKR panjang jalannya berkurang. Ini ialah saya nak tahu, yang kedua, kita di bawah ini, tak kira JKR Hulu Selangor ataupun JKR Gombak ataupun sebagainya selalunya kita menyenggarakan jalan Negeri dan jalan Persekutuan. Kedua-dua jalan ini bagi rakyat tiada bezanya. Kerosakan itu selalu mengadu satu *channel* dan kita dapati jalan Negeri diselenggarakan dengan baik selalunya dalam 5 tahun yang lepas saya sebagai ADUN memang jalan negeri

diselenggarakan dengan baik. Hanya cuma JKR ada masalah. Jadi apakah Kerajaan Negeri, JKR Negeri Selangor boleh membantu dari segi ini. Kalau tidak bila kita dapati aduan itu mengenai jalan Persekutuan dalam keadaan yang teruk dan kita berbincang dengan JKR Daerah maka dia akan katakan tak ada peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ada peruntukan tetapi tidak boleh digunakan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Peraturan Tetap.

**TUAN Pengerusi:** Ya. Silakan Yang Berhormat. Kuala Kubu Baharu duduk kejawab. Sijangkang dia ada Peraturan Tetap.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI** : Saya nak, terima kasih Tuan Speaker. Saya nak rujuk kepada Perkara-Perkara Peraturan Tetap, *Ruling* daripada Tuan Speaker sebab daripada semalam saya lihat perbahasan. Perkara Peraturan Tetap 36(1). Sebab saya lihat daripada semalam perbahasan kita juga banyak menyentuh berkaitan dengan peruntukan pembangunan. Sebab saya lihat dah, perbahasan kita masih lagi ialah Perbekalan. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Baik. Terima kasih Sijangkang. Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu teruskan kepada soalan JKR mengenai pengurusan, dia tidak berkait dengan pembangunan ya. Jangan ada timbulkan isu-isu pembangunan. Pembangunan kita akan ke usul Pembangunan akan datang ya. Nanti boleh pergi ke situ. Tapi yang ini khusus untuk pengurusan.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada membangkitkan Peraturan Tetap ini. Tapi saya yang cakap ini fasal penyelenggaraan. Ini adalah jalan fasal bukan membina jalan baru. Ini adalah jalan rosak, di mana di bawah penyelenggaraan dan RM2 juta lebih. Tak akanlah RM2 juta lebih untuk pembaikan kecil ini dicatitkan dalam mengurus itu adalah Pembangunan.

**TUAN Pengerusi R** : Ya. Yang Berhormat boleh teruskan. Tapi cuba jangan masuk pembangunan, boleh teruskan dengan pengurusan.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Ya, ini adalah pengurusan. MARRIS ialah pengurusan. Ok, tadi saya sampai mana ya.

**TUAN Pengerusi:** Dia emosional.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Kita minta JKR Selangor boleh membantulah walaupun JKR Persekutuan itu mengalami ada lubang ke ada apa ini pengurusan ya. Boleh bantulah. Ini bukan naik taraf. Saya tak cakap naik taraf. Ok ini juga termasuk pemotongan rumput kerana pemotongan rumput juga bawah pengurusan. Ya saya faham semalam memang ada.

**TUAN PENGERUSI:** Ya, ya pengurusan teruskan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Tuan Pengerusi, boleh sedikit sebab bukan spesifik kepada Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu sebab semalam.

**TUAN PENGERUSI:** Kuala Kubu duduk kejam.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Pembahas-pembahas juga menyentuh soal pembangunan. Jadi saya pun agak kluatir kalau tidak ada masa nanti masa kita terlalu terhad.

**TUAN PENGERUSI:** Baik, kan dia menggunakan Peraturan Tetap secara umumlah ya, tidak menunjukkan kepada Kuala Kubu Baharu ya. Kuala Kubu jangan ter ya.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Ya, saya faham, saya faham. Sebab Sijangkang ini memang baik hati. Saya sakit saya tanya dia. Doktor apa ubat nak makan. Ok, mana.

**TUAN PENGERUSI:** Pembangunan ya pengurusan.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Ok, ok. Ini yang kita harapkan.

**TUAN PENGERUSI:** Rumput.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** JKR Selangor memang menjalankan tugas dengan baik kalau jalan Negeri. Hanya jalan *federal* ini ada masalah. Masalahnya dalam pemotongan rumput juga sama. Selalunya dia tak buat betul tetapi rakyat dia tak kira. Dia akan cakap ini tugas kita. ADUN pun dia tak kira, kita Ahli Parlimen pun tak kira. Itu tugas kita. Lagipun sekarang hubungan kepartian yang sama di bawah. Jadi mereka akan menunjuk jari kepada kita. Saya harap jikalau Selangor dapat membantu bagi kelonggaran supaya macam mana kita boleh *claim* semula daripada Persekutuan ataupun macam manalah tolong lah rakyat. Ini ialah.

**TUAN PENGERUSI:** Yang Berhormat pendekkan ya. Lampu merah dah.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Lagi satu mengenai dengan Kod 29000. Perkhidmatan Ikhtisas yang saya nampak ada satu dasar baru RM200,000.00 saya nak tahu apakah dasar baru itu. Itu sahaja terima kasih Tuan Pengerusi.

**TUAN PENGERUSI:** Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak merujuk kepada muka surat 102, kotak yang paling Ringkasan Anggaran Perbelanjaan mengurus. Peruntukan untuk tahun 2019 adalah RM124 juta. Tetapi saya

merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Dato' Menteri Besar yang menyatakan seperti berikut.

Kerajaan Negeri memberikan peruntukan sejumlah RM194 juta kepada JKR. So saya nak tanya. RM70 juta itu sudah pergi ke mana?. Satu, yang kedua, saya merujuk kepada muka surat 92. Butiran program 505000, Kod 23000, Perhubungan dan Utiliti. Pada tahun 2018, perbelanjaannya RM200,000.00 tetapi kita nampak bahawa ia meningkat kepada RM1.14 juta pada tahun 2019. Mohon penjelasan, terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 96, Butiran Aktiviti 505200. JKR Gombak. Saya ingin membawa perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang senario yang berada di kawasan MRR2. Lingakaran Tengah 2. Bermula dari kawasan yang masuk daripada Tol Gombak, *Highway* Karak terus ke Gombak Setia. Kemudian terus ke kanannya di depannya sebelah kanannya adalah Wangsa Maju, terus lagi ke Hulu Kelang, terus lagi berada di depan Setiawangsa dan itulah hingga ke Pandan. Jadi ia melibatkan 3 PBT. PBT utama MPS, PBT Kedua adalah MPAJ, PBT Ketiga ialah DBKL. Jadi maknanya di mana tempat yang berada pertemuan-pertemuan di antara 3 PBT itu ada masalah. Tapi pada dasarnya, dia adalah di bawah MPAJ. Di bawah JKR. Suasannya begitu, suasananya yang kita nak gambarkan tempat-tempat lain di DUN-DUN lain, kawasan Parlimen lain, kawasannya ceria, cantik. Tapi saya menempatkan bahawa kawasan Hulu Kelang ini kalau kat *highway* yang melibatkan MRR2, comot, dengan Ah Long nya *sticker* lah, dengan tayar-tayar buruk ditinggalkan tepi jalan, dengan bekas-bekas pembaikan *jalan maintenance*. Saya pernah kenal, saya cuba *tagging* sampah-sampah yang berada di bawah jejantas itu kan kadang-kadang saya rasakan 3 tahun tak diangkat. Sampah yang berusia hampir-hampir 5 tahun semua ada. Jadi ini satu perkara yang sangat menyedihkan. Kita tahu *maintenance* mesti ada. Penyelenggaraan, bajet kita luluskan setiap kali. Kadang-kadang apa yang berlaku di Hulu Kelang, kalau kawasan dari Melawati, Klang Gate hinggalah Ampang Point itu. Kawasan banjirnya, kawasan korek jalan dah ditutupnya lagi. Selekehlah. Gambarannya selekeh. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada pemaju Sime Darby yang memulakan cadangan kemasukan orang pantai timur ke Kuala Lumpur adalah daripada Hulu Gombak. Hulu Gombak Setia dan Hulu Kelang. Di situ adanya satu gambaran yang bersih. KLIS. KLIS itu sebenarnya bersempadan dengan MPS dan MPAJ. Itu diberikan nama yang imej di Hulu Kelang tu cantik sikit. Tapi bila KLIS depannya tu cantik tetapi belakangnya sampah sarap dan sebagainya. Jadi saya ingin menyeru agar dengan peruntukan yang diberikan penyelenggaraan yang lebih teratur dapat dilaksanakan. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker. Ijok ingin rujuk kepada muka surat 99, Butiran 505700. JKR Kuala Selangor. Semalam Jeram telah tegur kenapa peruntukan JKR di kawasan Kuala Selangor kurang. Sebenarnya banyak masalah *infrastructure* di Kuala Selangor. Jalan tak diturap, ataupun tinggi rendah, rumput tak dipotong. Parit bawah JKR tidak diselenggarakan. Jadi, itu sebab saya harap kerajaan negeri Selangor. JKR Selangor menambahkan peruntukan untuk Kuala Selangor untuk mengatasi masalah-masalah. Nombor dua, jalan raya sedang dibina di antara Assam Jawa ke Desa Coalfield. Ini jalan baru yang saya nak tegur sebab dari segi keselamatan membina jalan raya ini. Dari segi lampu-lampu, masa malam, *barrier-barrier* kadang-kadang tak tentu arah dan juga longkang-longkang yang tersumbat oleh sebab pembinaan. Ini menimbulkan banjir kilat di kawasan-kawasan kampung dan taman-taman dan juga membahayakan pengguna jalan raya jalan Ijok. Jadi saya harap JKR akan meningkatkan pengurusan untuk menjaga keselamatan kesejahteraan di Ijok. Sekian.

**TUAN Pengerusi:** Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin merujuk kepada muka surat 102. Ringkasan anggaran perbelanjaan mengurus yang mana kerajaan negeri menyediakan RM124,513,292.15. Saya melihat bahawa peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri mungkin tidak mencukupi. Namun keperluan itu memang sangat besar ya yang mana pihak JKR perlu menguruskan pembinaan dan juga menaik taraf jalan-jalan di seluruh negeri Selangor mengikut daerah-daerah yang telah pun dituliskan dalam buku ini. Namun, saya kira ia nya tidak mencukupi kerana jalan-jalan di negeri Selangor ini sangat, banyak sangat penggunaannya sangat optima dengan kenderaan berat, dengan apa kenderaan kita yang sangat sentiasa penggunaan jalan tersebut. Jadi, saya mohon agar pihak kerajaan negeri memohon kepada JKR Pusat kepada pihak Kerajaan Pusat untuk menambahkan lagi peruntukan untuk kerajaan negeri Selangor, untuk JKR Selangor digunakan untuk kemudahan infrastruktur di Selangor ini. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Batang Kali

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ingin merujuk semula aktiviti 505700 muka surat 100, kod objek 28000. Ini merupakan satu perbelanjaan yang cukup besar 2.2 juta. So adakah ini termasuk penyelenggaraan potong rumput dan saya lihat potong rumput tidak dipotong secara yang bagus, sampah bertaburan menyebabkan longkang tersumbat dan sebagainya. Adakah ini termasuk potong rumput? terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN Pengerusi:** Pengerusi ya.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR** : Pengerusi

**TUAN Pengerusi:** Kuang

**Y.B. TUAN SALLEHHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk butiran program aktiviti 505200 JKR Gombak. Kod Objek 28000 jenis perbelanjaan adalah penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli.

**TUAN Pengerusi:** Muka surat

**Y.B. TUAN SALLEHHUDIN BIN AMIRUDDIN :** ia berjumlah ....

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat muka surat

**Y.B. TUAN SALLEHHUDIN BIN AMIRUDDIN :** muka surat 96, minta maaf. Berjumlah 2.79592.8 juta 09 juta. Tuan Pengerusi jika kita lihat di Gombak ini dia mempunyai 6 DUN. Jadi purata pembahagian di antara DUN itu di antara 450 ribu ke 490 ribu. Bagi pandangan saya, ia tidak mencukupi dan saya harap supaya beberapa peruntukan yang lain yang akan menyusul kemudian seperti peruntukan MARRIS, kerana MARRIS ini pun kalau saya tengok pada, apa ni Kuala Kubu ini tiba-tiba dia naik angin. Dia naik angin pasal Sijangkang tadi telah menyebut berkenaan perbelanjaan dan pembangunan perbezanya di situ. Tetapi saya ingin sebut MARRIS itu, sepatutnya diletakkan saya bersetuju Kuala Kubu ia sepatut diletakkan di bawah perbelanjaan kita kerana pengurusan minta maaf, pengurusan kerana MARISS ini pun sebahagian bagaimana pengurusan permulaan itu. Saya lihat MARRIS ini tidak begitu cekap dalam menentukan apa yang kita sebut, tidak begitu cekap menentukan skop kerjanya. Kerana dia terlampau *rigid* di satu apa kalau jalan itu lebarnya hanya 9 atau pun 4 meter maka 4 meter sahajalah yang harus diturap. Kalau longkang dia bersaiz V 12 inci maka bersaiz V lah longkang itu. Jadi saya nak tegur sedikitlah peruntukan ataupun perbelanjaan MARIIS ini harus diperlebarkan tidak terlalu *rigid* dan ia boleh diguna pakai untuk naik taraf kerana keadaan semasa di dalam semua, saya rasa dalam satu Selangor ini longkang-longkang yang dah kita buat 10 dulu mungkin dan tak sesuai pada masa sekarang kerana keadaan cuaca dengan keadaan penambahan kereta mungkin perlu diubah ke lokasi yang lebih besar lagi. Macam jalan itu pun begitu juga, kalau jalan lebar 4 meter harus diperbesarkan maka ia harus diperbesarkan. Saya harap peruntukan MARRIS ini pada masa akan datang supaya dikaji semula dari segi peraturan dia. Itu yang pertama saya ingin nak sampaikan. Yang kedua adalah berkenaan jumlah RM490 ribu yang peruntukan pada setiap DUN secara purata lah di DUN di JKR Gombak ini. Bagi pandangan saya pada awal tadi ia memanglah tidak mencukupi, tetapi apa yang saya harapkan agensi-agensi yang lain juga harus menyumbang terutama PBT Pejabat Daerah, Pejabat Daerah harus juga menyumbang untuk penyelenggaraan di dalam kawasan-kawasan ataupun DUN-DUN yang agak kritikal jangan terlampau apa ni sangat berkira sangat. Saya harap begitulah saya supaya perbelanjaan ini dapat diberikan dengan baik. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Pihak Kerajaan. Ya ada penjelasan daripada pihak Kerajaan.

**Y.B. Tuan Ir Izhah Bin Hashim :** Terima kasih Tuan Speaker dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat semua yang menunjukkan minat yang mendalam kepada infrastruktur di bawah JKR ini. Saya akan cuba menjawab sebaik mungkin apa yang pertanyaan yang timbul. Untuk Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat semua, di bawah perbincangan kita ini belanja mengurus yang melibatkan *maintenance* penyelenggaraan dan yang banyak dan ditimbulkan Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung kod 28000. Ini kalau di rujuk kepada Pekeliling kod 28000 ialah bermaksud tujuan kontrak kerja kontrak atau bukan kontrak yang diberi untuk menjaga bangunan kemudahan dan alat-alat kelengkapan supaya berada dalam keadaan baik. Semua penyelenggaraan dan pembaikan kecil dan direkodkan dia bawah kod ini mestilah merupakan kerja yang dibuat oleh pihak swasta atau jabatan lain dan bukan jabatan sendiri. Kos yang terlibat adalah termasuk bayaran mencuci *servicing* alat-alat ganti dan bahan-bahan lain di bawa sendiri dan digunakan oleh pihak luar untuk penyelenggaraan aset yang di bawah JKR. Ini bawah kod 28000. Jadi yang dirujuk oleh kebanyakan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah merupakan penyelenggaraan tambahan kepada bukan sahaja kepada jalan tetapi di juga kepada bangunan-bangunan di bawah penyelenggaraan JKR. Disebabkan yang tepat sekali yang disebut Yang Berhormat Kuang tadi bahawa peruntukan ini tidak termasuk MARRIS ataupun singkatan MARRIS ini untuk makluman *Malaysia Road Record Information System*. Ini merupakan peruntukan yang diberi oleh yang di buat oleh Kerajaan Pusat dan Persekutuan yang dibayar terus ke dalam akaun amanah negeri sebab itu dia tak masuk di bawah bajet ini. Dan tahun 2019 dia telah di peruntukan kepada JKR sebanyak RM196 juta dan kegunaannya ialah digunakan juga untuk kontrak jangka panjang atau kontrak berpusat penyelenggaraan jalan dan sebahagiannya digunakan juga untuk harga pada jalan-jalan ini dan juga untuk cerapan jalan. Dan untuk makluman semua peruntukan ini dia mempunyai syarat-syarat yang ketat MARRIS ini. Dia tidak boleh diguna dengan sembarangan dia ada panduan yang ketat yang dipantau oleh Kerajaan Pusat. Jadi kita tidak boleh sebagai contohnya, dia tidak boleh diguna untuk menaik taraf, dia hanya untuk penyelenggaraan itu pun ada skopnya yang dipatuhi yang kita perlu patuhi dan untuk makluman semua kita Kerajaan Pusat dia membayar atau pun memberi kepada Kerajaan Negeri peruntukan setiap kilometer untuk jalan JKR ini jalan negeri dan jalan PBT ialah 35 ribu sekilo meter, dia ikut kilometer. Dan untuk jalan-jalan kampung, jalan ladang RM17,500 sekilo meter. Jadi lagi banyak jalan kita lagi panjang lagi banyak peruntukan yang kita dapat sebab itu Kerajaan Negeri mengambil inisiatif setiap tahun membuat pendaftaran supaya jalan kita lebih yang dah banyak ini didaftarkan supaya kita dapat peruntukan yang lebih.

**Y.B. Tuan Sallehuddin Bin Amiruddin :** Saya mohon laluan untuk mencelah



**TUAN Pengerusi:** Sila

**Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin :** Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat berkenaan dengan peruntukan MARRIS. Saya maklum kita semua maklum bahawa peruntukan MARRIS ini adalah dari Kerajaan Pusat dalam dialog yang saya hadiri di antara semua ADUN-ADUN, di Parlimen pada selepas pembentangan bajet 2019 saya bertanya berkenaan dengan peraturan pembiayaan MARRIS ini dan ia tidak dijawab oleh Menteri tetapi dia dijawab Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan saya melihat bahawa ada fleksibiliti dari segi peraturan itu dan saya minta supaya ia tidak terlalu *rigid* seperti yang ada sekarang. Saya mohon yang ada sekarang Yang Berhormat EXCO Yang Berhormat supaya dapatkan maklumat lanjut berkenaan dengan apa yang disebut oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada di dalam dialog tersebut.

**Y.B. Tuan Ir Izhah Bin Hashim :** Terima kasih Yang Berhormat Kuang di atas penjelasan tersebut. Sukacita saya makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri bukanlah kita tidak peka kepada perkara ini dan memang kita telah membuat permohonan kepada Kerajaan Pusat untuk diperbaiki ataupun atau pun dinilai tambah kepada peruntukkan yang sedia ada supaya memasukkan juga, membenarkan juga penggunaan untuk kenaikan taraf. Kadang-kadang bila kita buat jalan atau pun kita turap jalan kadang-kadang longkang pun dan lama kecil sebab longkang pun termasuk jalan, kita nak naik taraf kita nak besarkan itu dinaiktarafkan tidak dibenarkan sekarang. Walau bagaimanapun kita telah berusaha selagi untuk mendapatkan penambah baikkan kepada pengguna duit MARRIS ini supaya keadaan jalan ini dapat dibaiki dengan termasuk dengan longkang kira kanan jalan itu ya.

Jadi saya terus kepada yang pertamanya saya nak jawab kepada pertanyaan Pelabuhan Klang Yang Berhormat Pelabuhan Klang tidak ada. Berhubung dengan peruntukan 2800 saya sudah jawab tadi, tentang jalan Kampung Pandamar ke Park Land di katakan terlalu teruk. Adakah JKR mengenal pasti jalan-jalan permasalahannya dan bagaimana jalan ini dapat di naik taraf. Ini saya juga akan, kalau mengikut kajian kita ..

**TUAN Pengerusi:** Silakan

**Y.B. Tuan Harumaini Bin Haji Omar :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker, saya mohon laluan terima kasih EXCO. Saya lihat apa yang boleh kalau boleh di fikirkan oleh Yang Berhormat supaya pelaksanaan MARRIS seharusnya dirujuk kepada DUN. Kalau tak dirujuk kepada DUN mungkin DUN tidak tahu di mana-mana penyelenggaraan yang perlu dibuat yang mana perlu tidak dibuat. So kalau ini dapat kerjasama daripada pihak yang berkenaan, so DUN akan lebih selesa dengan keadaan kawasan masing-masing kerana DUN yang akan menjawab apa sahaja permasalahan



yang timbul oleh rakyat dan kita akui ke keefisienan jabatan berkenaan, terima kasih Yang Berhormat

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat Batang Kali, sebenarnya memang menjadi amalan kita di Kerajaan Negeri Selangor memang kita untuk jalan-jalan, MARRIS yang di bawah PBT memang merujuk kepada ADUN-ADUN tempatan. Ini memang lazim kita laksanakan saya harap Yang Berhormat akan menghubungi Majlis Daerah Hulu Selangor, Hulu Selangor berhubung dengan perkara ini. Dan kita sedia maklum bahawa peruntukan MARRIS ini diperuntukkan kepada 4 Agensi mengikut jalan masing-masing kepada JKR kepada PBT kepada Daerah juga kepada JPS, jadi untuk JKR ini agak sukar sikit untuk kita maklumkan sebab jalan ini merentasi DUN-DUN yang banyak. Walau bagaimanapun saya bersedia untuk berkongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, malah saya pun baru ini pun saya ada dalam *group* apa nama Ahli Dewan Yang Berhormat pun saya ada minta senarai-senarai daripada Ahli Yang Berhormat dengan jalan-jalan yang menjadi kepentingan dan keperluan mereka yang di bawah JKR ini. Jadi boleh diteruskan. Jadi tentang jalan yang disebutkan jalan ini Jalan Pandamar ke Park Land , Kerajaan JKR Negeri akan mengkaji keperluan menaik taraf jalan ini dari segi kapasiti trafik semasa, jalan dan jika ada keperluan jika tidak ada keperluan naik taraf kita akan pastikan sama ada dalam bentuk menyelenggara skop muka baru dan lain kerja yang berkaitan. Untuk jalan ke North Port dan Pelabuhan Klang ini, FT180 ini adalah di bawah seliaan pejabat JKR. Lokasi ini kerap berlaku vandalisme iaitu kecurian kabel elektrik yang menyebabkan masalah lampu jalan di situ yang banyak kali berlaku. Ini telah pun lanjutan peristiwa ini perkara ini, pejabat telah menghantar permohonan kepada cawangan selenggara *facility* jalan pada 22 November yang lepas dengan kos 350 ribu untuk membaiki jalan yang disebutkan di sekitar North Port tadi.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Seri Setia, meminta supaya diberi timbangan kepada kos 28000

yang dikatakan pengurangan. Untuk makluman semua memang menjadi kalau belanjawan kali ini buat potongan kepada hampir semua aspek termasuk dalam pengurusan ini, belanjawan mengurus. Jadi melibatkan juga pihak JKR. Jadi kalau ada aduan berhubung dengan pengurangan ini, itu adalah satu hakikat dalam penyediaan bajet kali ini. Walau bagaimanapun kita akan mengambil langkah-langkah yang perlu mengikut kemampuan yang ada. Penggunaan MARRIS dan sebagainya untuk kita memperbaiki dan tidak berkompromi dengan keadaan kualiti jalan dan sebagainya. Itu kita akan usahakan sebaik mungkin dalam kekangan kewangan yang sedia ada. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya mohon daripada apa yang saya bantangkan dan dijawab oleh Yang Berhormat EXCO, jalan tersebut itu yang saya minta di buat sebab dah lama nak ditambah baik sebab banyak sangat kemalangan yang serius yang berlaku di situ.

**TUAN Pengerusi:** Yang Berhormat, buat jalan itu adalah dalam pembangunan.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Sebagaimana saya sebut tadi dalam senarai jalan yang menjadi fokus ataupun yang menjadi urgent penting itu boleh disalurkan langsung dengan saya atau pejabat JKR. Saya akan bagi perhatian kepada keperluan yang Berhormat. Tentang soalan daripada Yang Berhormat Banting berhubung dengan lampu isyarat di FT05 Kuala Langat di banyak bercerita tentang FT05 jalan federal, jalan persekutuan yang kerosakan kerana kilat dan sebagainya. Lampu isyarat itu adalah di persimpangan FT05 Klang - Banting dan Jalan Kampung Jenjarom dan Jalan Sungai Jenjarom. Jalan isyarat tersebut telah mengalami kerosakan teruk pada kabel utama dan komponen utama dalam sistem *feeder pillar* tersebut. Kerja-kerja pembaikan melibatkan penggantian kabel baru memerlukan masa pengorekan merentang kabel baru dan penurapan semula itu menyebabkan sedikit masa diperlukan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Selain itu komponen yang rosak itu perlu ditempah khas dan kekerapan hujan dalam musim hujan lagi menyumbang pada kelewatan dan mengambil masa 3 hari. Untuk soalan yang kedua yang ditimbulkan berhubung dengan keadaan trafik yang terlalu teruk di sana untuk penyelenggaraan jalan persekutuan FT05, JKR Selangor telah menerima peruntukan sebanyak RM4.59 juta untuk penyelenggaraan berkala. Pavement dan bukan pavement. Bagi tahun 2019, JKR Selangor telah memohon sebanyak RM27.3 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan tersebut. Dah memohon, belum lulus lagi. Yang kita harapkan dapat jumlah itu dapat kita peroleh untuk kita menyelenggarakan FT05 ini. Berhubung dengan jambatan besi yang dimaksudkan itu ialah jambatan Sungai Rambai.

**TUAN Pengerusi:** Yang Berhormat, Kuang minta sikit.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Kuang lagi. Kuang ni kacaulah.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Saya sebenarnya berminat dengan YB EXCO ni. Fasal saya pun selalu juga ikut. Tadi Yang Berhormat EXCO menyebut berkenaan dengan beberapa agensi memetik berapa agensi menjadi saluran untuk peruntukan MARRIS. Tapi Yang Berhormat EXCO tidak menyebut berkenaan dengan utiliti. Jika jalan itu kita perbesarkan ada tiang yang akan tinggal di tengah jalan. Tiang telefon, tiang elektrik dan itu saya nak minta penjelasan di agensi mana yang diwajibkan untuk pemindahan tiang ini terlebih dahulu kerana apabila kita

besarkan jalan tiang masih terpacak di tengah jalan. Banyak berlaku ni. Jalan masuk di Kuang ada longkang, longkang ini dia buat tetapi disebabkan ada meter air di situ dia kelok sikit benda itu. Nampak tak?. Ini satu pengurusan jalan itu harus diperkemas dengan semua aspek terutama dalam pembetulan, pembetung, tiang elektrik dan utiliti yang lain. Supaya esok kita tidak melakukan kerja berulang di tempat yang sama. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat Kuang. Sebenarnya bila menimbulkan isu menaik taraf itu tadi masuk dalam pembangunan. Ini kerja-kerja baru dia tidak masuk wang selenggaraan. Bawah selenggaraan ini tidak masuk. Ini di bawah pembangunan dan apabila kita membuat penaiktarafan jalan dan juga penaiktarafan jalan juga dan pembinaan jalan baru, pengalihan utiliti ini adalah termasuk dalam kos kontrak kerja. Jadi perlu dimasukkan. Sebab itu saya ada menyebut contoh satu jalan di Johan Setia. 1.8km. kos buat jalannya hanya RM28 juta. Kos untuk alih utiliti RM20 juta. Ini bukan perkara terbaru. Banyak tempat-tempat yang kita buat penaiktarafan jalan, pembinaan jalan melibatkan pengalihan utiliti yang tinggi kosnya. Jadi saya sambung kepada jawapan daripada Yang Berhormat Banting tadi berhubung dengan jambatan. Jadi jambatan yang dimaksudkan itu adalah Jambatan Sungai Rambai Kecil dan Sungai Rambai Besar yang berada di jajaran FT05 ini. Peruntukan telah dipohon pada Cawangan Jalan JKR Malaysia pada tahun 2017 dan projek ini untuk berita baik pada Yang Berhormat, projek ini akan di tender pada Januari 2019. Sorang sahaja yang tepuk. Berhubung dengan komen daripada Yang Berhormat berhubung dengan gred Jurutera Daerah itu kita ambil perhatian dan kita akan ambil langkah-langkah pro untuk memperbaiki gred yang dimaksudkan itu. Seterusnya daripada Yang Berhormat Pandamaran. Ada bertanya mengenai peruntukan pembaikan jalan di lokasi tol. Di jalan persekutuan yang diserahkan pada JKR. Bahagian Jalan JKR telah memohon peruntukan kepada Cawangan Selenggara Fasiliti JKR Ibu Pejabat Malaysia pada 28 Mac 2018 sejumlah RM840,000.00 peruntukan untuk membaiki jalan ini yang merupakan jalan persekutuan. Jadi kita tunggulah kelulusan bajet untuk kegunaan jalan berkenaan.

Dan daripada Hulu Selangor, Hulu Selangor bertanya soalan yang kod 28000 juga dan saya sudah sebutkan tadi bahawa kod itu adalah untuk kerja-kerja selenggaraan bangunan dan juga fasiliti JKR yang tambahan kepada yang MARRIS dan ini tidak termasuk MARRIS. RM2.09 juta ini tidak termasuk MARRIS. Saya telah sebutkan tadi.

**TUAN Pengerusi:** Iya Kuala Kubu Baru. Pengurusan ya.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Sekarang kita jelas termasuk peruntukan MARRIS tapi soalan saya adakah wang tersebut boleh digunakan untuk penyelenggaraan jalan federal.

**Y.B. TUAN Ir. IZHAM BIN HASHIM** : Sebenarnya jalan federal ini kita telah pun maklumkan beberapa kali bahawa dia di bawah tanggungjawab kerajaan persekutuan, JKR Ibu Pejabat. Dan kita memang menghadapi kekangan ini bukan sahaja aspek kewangan, dari segi undang-undang, peraturan menyebabkan.... walau bagaimanapun saya maklum banyak sekarang ini ditimbulkan isu tentang jalan persekutuan yang berada di negeri Selangor dan sebagainya termasuk isu sama isu sekolah tadi. Di mana peruntukan kementerian pendidikan tapi kita terpaksa berhadapan dengan kontrak. Jadi perkara ini melibatkan juga perundangan dan juga kekangan kewangan dan sebagainya. Jadi walau bagaimanapun kita akan lihat bagaimana kita dapat perbaiki hubungan ataupun antara JKR, jalan persekutuan dan jalan negeri. Yang bertanya mengenai di bawah kod 23000 itu tambahan daripada RM200,000.00 kepada RM1.14 juta itu kerana sebelum itu dibayar oleh SUK tetapi saya rasa ini di bawah Yang Berhormat Subang Jaya tadi. Penambahan ketara RM1 juta sebab dahulunya kod ini adalah berkait dengan pembayaran utiliti dan juga komunikasi dan utiliti. Bil elektrik terutamanya, itu kalau dahulunya ini adalah pemindahan JKR kepada Pejabat yang baru sebelum ini mereka di pejabat SUK, bil elektrik mereka sekitar RM200,000.00 tapi lepas mereka pindah pejabat sendiri maka peruntukan telah meningkat, penggunaan elektrik telah meningkat kepada RM1.14 juta untuk setahun. Jadi untuk yang Hulu Selangor berhubungan dengan tambahan RM200,000.00 dasar baru itu kod 29000 itu adalah untuk perkhidmatan kawalan keselamatan di Kwarters Jalan Pahang dan Batang Kali yang kerap kali di ceroboh dan berbahaya kepada penghuni. Jadi kita telah mengambil khidmat kawalan keselamatan untuk kuarters di sana.

Untuk Yang Berhormat Hulu Kelang itu kita akan rujuk sebab dua ni juga jalan persekutuan. Kita akan merujuk kepada mereka berhubung dengan penyelenggaraan jalan tersebut. Kita *take note*. Untuk Yang Berhormat Ijok pembinaan Jalan Asam Jawa - Coalfield adalah di bawah pasukan projek Cawangan Jalan JKR Ibu Pejabat Malaysia. Audit *traffic management* ini saya rasa dilaksanakan oleh pasukan projek dah kerap kali diberi teguran kerana tidak memenuhi piawaian kita. Akan berterusan memantau dan mengambil tindakan dan dimaklumkan kepada ibu pejabat JKR berhubung dengan keadaan pembinaan jalan tersebut. Yang Berhormat Batang Kali, juga menimbulkan tentang kod 28000 ini. Pemetongan rumput seperti yang disebutkan tadi sebagai kontrak jangka panjang di bawah MARRIS yang telah diserahkan kepada 3 kontraktor. Boleh saya kongsi jika mahu maklumat itu. Untuk kontrak 5 tahun dan kontrak mereka akan tamat pada Januari 2021. Jadi 3 kontraktor ini yang meliputi seluruh Selangor dan kerja-kerja pemetongan ini adalah berkala dan termasuk dalam kontrak mereka. Jadi tidak termasuk dalam kod 28000 ini. Jadi saya Yang Berhormat Sementa menimbulkan isu mengenai peruntukan dan juga 28000 ini dan juga dari Yang Berhormat Sementa tadi minta supaya peruntukan tambahan daripada Ibu Pejabat

JKR. Ini kita akan cubalah tetapi untuk mencari jalan semaksimum yang mungkin untuk kita perbaiki keadaan jalan yang di sekitar negeri kita ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Iya Batang Kali.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HJ. OMAR** : Saya menghargai apa yang diberitahu oleh EXCO supaya ADUN-ADUN boleh berhubung dengan daerah ataupun JKR. Tetapi bagi saya kalau boleh pihak EXCO ataupun pihak kerajaan memberikan arahan yang jelas kepada pihak PBT ataupun JKR bila mana melaksanakan suatu projek itu harus dirujuk terlebih dahulu dengan ADUN-ADUN yang berkenaan. Kalau tanpa ada arahan jelas saya rasa agak susah sedikit. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat Batang Kali. Kita maklum sedang keperluan dan kehendak daripada ADUN-ADUN semua. Dalam masa yang sama juga kita agensi dan jabatan kita pun memerlukan kerja yang baik pelaksanaannya. Cuma kita tidak perlulah menetapkan bahawa semua sebagai pembangunan atau kerja nak buat mesti rujuk kepada ADUN. Agak sukar pelaksanaan yang demikian. Apa yang lebih baik ialah pihak ADUN sendiri pro aktif dan mengenal pasti keperluan. Mereka pun sebenarnya macam JKR ada senarai-senarainya. Jalan mana yang bermasalah, jalan mana yang perlu pembinaan baru, jalan mana yang perlu di naik taraf. Mereka mempunyai rekod. Cuma kadang-kadang kekangan dan sebagainya pelaksanaan menyebabkan kadang-kadang kerja terpaksa di tangguh atau kerja terpaksa diberi keutamaan pada projek yang lain. Ini perlukan perbincangan lanjut dan senarai-senarai keperluan jalan, *maintenance* atau selenggaraan ini kita akan sentiasa semak. Kadang-kadang keperluan itu bertukar. Kadang-kadang dia no. 3 tapi bila kita lihat balik perlu dinaikkan lebih no. 1 sebab ada keperluan mendesak, banjir dan sebagainya. Ini sentiasa disemak untuk pastikan bahawa keperluan itu. Dalam masa yang sama saya rasa menghubungi melalui Majlis Tindakan Daerah, melalui kaedah yang lain untuk mendapatkan juga maklumat tambahan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan aspek jalan dan longkang dan sebagainya ini. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi**: Iya Seri Setia. Ringkas saja ya.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Terima kasih pada Yang Berhormat EXCO. Dia ringkas sahaja. Berkenaan dengan Yang Berhormat Batang kali tadi dia bukan pemakluman apa Yang Berhormat EXCO, ada kes-kes penurapan menggunakan peruntukkan MARRIS contohnya. Ada kawasan-kawasan itu kita lihat tidak perlu pun turap lagi kenapa perlu diturap? Dan ada kawasan yang lebih penting untuk diturap tetapi tidak diturap dan mungkin ada salah faham sana sini ataupun hanya berdasarkan aduan semata-mata tetapi tidak berdasarkan kepada keperluan yang sepatutnya. Ini yang dah lepas, lepas. Saya pun tak nak sebut kawasan di mana

tapi saya tengok dengan jelas kawasan yang tidak sepatutnya diturap tetapi ia diturap atas alasan hujung tahun nak habiskan cepat peruntukan MARRIS ni kan, jadi saya mohon bukan apa pemakluman itu untuk kita membantu menyelaraskan kawasan yang sepatutnya kita turap.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Saya ucap terima kasih tetapi kita kena *be specific* la ya. Kita *specific* mana jalan bagi pada pihak yang berkenaan, kalau ia melibatkan PBT, PBT lah dan saya dah pun sedia maklum bahawa senarai jalan-jalan di bawah PBT ni untuk MARRIS adalah di bawah ADUN sendiri. Jadi salahkan diri sendiri lah kalau-kalau gagal untuk berfungsi dengan baik. Kalau ada jalan yang lain daripada PBT yang diturap oleh PBT, JKR dan sebagainya boleh menghubungi terus pada JKR, maklumkan mana jalan yang tidak perlu kita buat kenyataan yang umum begitu *get* betul-betul mana dia, kita selesaikan masalah itu. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi :** Ya Kuang. Kali terakhir ya.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Saya setuju dengan apa ni Pelabuhan Klang. Kadang-kadang di peringkat Pejabat Daerah terutama dalam Bahagian Pembangunan ni dia suka-suka je buat. Memang betul pun dekat Kuang pun berlaku juga, dia suka-suka je buat. Peruntukannya bila kita nak ubah tempat dia kata tak boleh sebab kelulusan sudah diperolehi dari Unit Perancang la apa, la. Banyak benda ni yang...

**TUAN Pengerusi:** Ya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Peraturan Tetap

**TUAN Pengerusi :** Peraturan Tetap.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ya.

**TUAN Pengerusi :** Sila duduk Kuang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ya. Yang Berhormat kalau Yang Berhormat Kuang hendak mengadu tentang Pejabat Tanah dan Daerah, itu masuk bila masuk ke subjek Pejabat Daerah sebab sekarang ni kalau urusan MARRIS ini secara umum MARRIS bagaimana nak uruskannya, kalau ada aduan khusus kepada Pejabat Daerah bila kita masuk ke peringkat nanti Pejabat Daerah, kalau tidak kita tak boleh habis kita punya urusan ya dan saya kira MARRIS tu saya tambah sikit PBT ni, dia ada tanya untuk ADUN setiap kawasan yang kita dah tetapkan jumlah untuk ADUN yang tentukan, jadi JKR melalui Pejabat Tanah kan, jadi kita kena pergi subjek.

**TUAN Pengerusi** : Ringkaskan, ringkaskan ya Kuang.

**Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin** : Terima kasih Bandar Baru Klang. Yang Berhormat Bandar Baru Klang, saya ni baru nak tujuh bulan nak jadi Wakil Rakyat, baru tujuh bulan kita adalah dalam Dewan ni, tapi bukan hari-hari pun kita ada dalam Dewan ni pun. Cuma kita ada sekali sekala sahaja, jadi kalau mana-mana salah tu saya mohon maaf, mungkin kita terlepas pandang. Kita pun bukan terlepas pandang, makna kita pun tak tahu la. Kalau terlepas pandang tu makna kita dah tahu, jadi saya hormati Bandar Baru Klang kerana salah seorang Wakil Rakyat yang paling lama dalam Dewan ni daripada tahun 1995 sampai 2018 belum pencen lagi. Belum pencen lagi. Jadi kalau PRU ke 15 besok kalau dia ada lagi Alhamdulillah, kita memang sokong lah Bandar Baru Klang ni seorang yang sangat...

**TUAN Pengerusi** : Kita teruskan ya, teruskan apa yang nak tanya.

**Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin** : Tak apa lah saya dah tak nak sebut lagi fasal PBT tadi nanti dia marah lagi, bila dia marah, kena fikirkan kena marah...ok baik-baik.

**TUAN Pengerusi** : Dia tegur lah, dia tegur. Jadi kena duduk ya.

**Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin** : Jadi itu je lah saya nak..memang betul pun apa yang dia sebut.

**TUAN Pengerusi** : Tak nak sebut tu duduk lah Yang Berhormat. Ya duduk.

**Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin** : Terima kasih. Baik.

**TUAN Pengerusi** : Dengkil ada masuk dalam Perbahasan?

**Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah** : Ada.

**TUAN Pengerusi** : Ada ya, semalam adalah Perbahasan tak ada rasanya, ada? Tak ada. Dengkil minta duduk ya sebab kita kena belajar kalau nak minta mencelah ni ada dalam Perbahasan Pembekalan Jawatankuasa kalau Dengkil ada ambil bahagian saya benarkan sedikit, kalau Dengkil tidak ambil bahagian tidak benarkan. Ya duduk.

**Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah** : Minta pencerahan pun tak boleh?

**TUAN Pengerusi** : Tak boleh. Dia kena duduk juga.



**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

**TUAN Pengerusi :** Jeram. Jeram ada.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI :** Saya bersetuju dengan Pelabuhan Klang ya. Sebenarnya dalam ikut kata Tuan Pegawai Daerah Kuala Selangor, untuk peruntukan MARRIS perlu mendapatkan kelulusan daripada ADUN kawasan sebelum membuat jalan itu, memang dah ada. Di Kuala Selangor tak ada masalah, memang ADUN-ADUN Ijok, Permatang, Melawati semua kami dipanggil dan minta pandangan dan minta kebenaran jalan mana yang nak diturap tetapi di PBT pula tidak dipanggil lagi la sebab tu kita mohon ADUN diberikan peluang untuk bersama dengan PBT untuk melakukan projek-projek MARRIS ni. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Untuk makluman saya rasa eloklah lepas ni berhubungan sebab ni kita bincang bajet JKR kan jadi saya sebenarnya memang kita peruntukkan untuk setiap ADUN untuk MARRIS RM3 juta, RM3 juta setiap ADUN untuk kerja-kerja bawah MARRIS ni di PBT masing-masing, ambil perhatian ya. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi :** Habis jawapan ya. Yang Berhormat dah habis jawapan ya? Gulung habis ya, jadi tak adalah, dah habis. Kejap ya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Jadual B12 iaitu Wang sejumlah RM124,513,292.15 untuk Kepala B12 Jabatan Kerja Raya menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B13, Jabatan Pengairan dan Saliran RM113,453,492.85.

**TUAN SPEAKER :** Jadual...nasib baik cepat kalau tidak saya dah jalan. Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Pengerusi. Saya merujuk muka surat 104, kod 505000, 2800 Penyelenggaraan dan Pembaikan. Ini merujuk kepada isu yang berkaitan banjir. Saya nak penjelasan adakah semua kolam-kolam takungan yang berada di sesuatu kawasan PBT tu adalah bidang kuasa penyelenggaraannya di bawah JPS? Sekiranya itu berlaku apakah langkah-langkah yang membolehkan proses itu disegerakan kalau tidak nampak gayanya terpaksa ditanggung oleh PBT dalam kes banjir-banjir ni yang berlaku. Keduanya saya ingin penjelasan tentang jajaran Sungai Klang yang melalui DUN Hulu Klang adakah tebing-tebingnya yang kadang-kadang



bersemak tanpa penyeliaan yang baik di bawah JPS ataupun di bawah projek *River for Life*? Itu sekian.

**TUAN Pengerusi** : Pelabuhan Klang.

**Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ingin merujuk kepada muka surat 105 Program aktiviti 512000 Perkhidmatan Luar, Kod Objek sebagai 26000, 27000, 28000. Saya ingin bertanya kepada Dewan ini berkenaan dengan kenapa yang untuk Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor tidak seperti Jabatan Kerja Raya di mana diperincikan mengikut daerah-daerah di dalam Negeri Selangor tetapi untuk Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor tidak diperincikan mengikut daerah-daerah. Jadi saya bagi pihak DUN Pelabuhan Klang memohon agar Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor memberikan perhatian yang serius di dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang terutamanya di kawasan-kawasan mudah dinaiki air sewaktu hujan lebat yang menyebabkan banjir kilat dan saya memohon kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor juga untuk mengkaji tentang kunci-kunci air yang sedia ada yang perlu dibaiki dan dalam masa yang sama mengkaji juga kunci-kunci air yang perlu ditambah memandangkan DUN Pelabuhan Klang terletak kawasan berhampiran tepi laut yang ada kejadian air pasang dan surut terutamanya pada waktu musim tengkujuh ataupun bulan air pasang yang tinggi dan setiap kali kejadian air pasang surut tinggi ni berlaku kawasan DUN Pelabuhan Klang akan terjejas dengan masalah banjir kilat.

Antara punca yang dikenal pasti ialah masalah kita di Pelabuhan Klang kekurangan kunci air-kunci air bagi menyekat aliran air laut yang pasang tinggi masuk ke dalam kawasan sungai-sungai di darat. Jadi saya berharap akan ada pertambahan sebab saya dimaklumkan oleh pihak Jabatan Pengairan ataupun JPS Daerah Klang bahawa DUN Pelabuhan Klang ini perlu diberikan tambahan kunci-kunci air di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti tetapi isunya sekarang ialah mereka tidak ada peruntukan untuk membina kunci-kunci air yang baru di kawasan DUN Pelabuhan Klang seperti di Sungai Kembang, Sungai Pinang, Pulau Indah dan juga di Teluk Gong Pelabuhan Klang dan juga di Sungai Pendamar. Jadi saya harap sangat-sangat pihak Kerajaan Negeri supaya memikirkan tentang isu menambah kunci air dan dalam masa yang sama untuk penyelenggaraan pula saya berharap pihak JPS kena memastikan setiap daerah di dalam Negeri Selangor ini mengikut jadual penyelenggaraan yang tepat. Kalau setiap enam bulan sekali perlu diselenggarakan parit-parit tanah ataupun parit-parit semua di bawah JPS ini perlulah dibuat enam bulan sekali, janganlah ada kerja-kerja tertangguh di situ terutama sekali persiapan semasa menghadapi musim tengkujuh dan musim banjir. Semalam pun saya masih lagi ada isu-isu masalah banjir di kawasan Pelabuhan Klang, hanya hujan lebat sedikit kemudian banjir tapi bila kita *check* balik, kita lihat

masalah parit-parit yang sepatutnya diselenggarakan tetapi tidak diselenggarakan mengikut jadual yang sepatutnya dan saya tidak pasti adakah ia kekurangan peruntukan ataupun salah pilih kontraktor. Ini yang kena difikirkan di peringkat Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi.

**TUAN PENERUSI :** Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berdiri di bawah Vot B13 104 muka surat butiran program 50500 Pentadbiran dan Kewangan, kod objek sebagai 11000 Gaji dan Upahan, 28000 Penyelenggaraan Pelbagai Kerja Yang Diberi, 29000 Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain Yang Diberi dan Hospitaliti. Saya ingin membangkitkan...

**TUAN PENERUSI :** Ya Banting. Sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan perlu bersidang semula. Bentara.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan 12.00 tengah hari. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 3 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari)**

**(Dewan Disambung Semula)**

**(Tuan Timbalan Speaker Mempengerusikan)**

**TUAN Pengerusi:** Selamat petang Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa. Ya, silakan sambung Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin membahagikan barangkali 2 atau 3 perkara berkenaan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor di kawasan daerah Kuala Langat. Yang pertama adalah berkenaan dengan pengawal atau pun pekerja yang menjaga kunci air. Semalam kita telah mengalami satu hujan lebat yang cukup besar pada lewat petang di kawasan daerah Kuala Langat dan kawasan Kampung Baru Sungai Jarum yang mana di bahagian hujung Jalan Sungai Buaya terdapat satu kunci air yang dikawal oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor. Apa yang berlaku ialah hujan yang terlalu banyak itu tidak dapat mengalir keluar daripada kawasan tadahan itu kepada ke dalam Sungai Langat sebab ialah kunci air itu tidak dibuka dan saya difahamkan kunci air itu masih lagi di kawal secara manual. Saya juga difahamkan oleh Ketua Kampung atau pun sekarang dikenali sebagai Pengerusi Majlis Pengurusan di Kampung MPKK bahawa beliau terpaksa bergegas ke situ untuk semak barulah beliau tahu apa yang berlaku iaitu kunci air tidak dibuka oleh orang yang mengawal pun tidak ada di situ. Jadi saya rasa itu adalah satu perkara yang sangat serius. Sepatutnya tidak ada banjir berlaku hampir berlaku tetapi kira rasa kerana pengalaman Ketua Kampung ini walaupun dulu dia bukan Ketua Kampung tahu masalah ada di situ dan dia terus bergegas ke situ untuk memastikan kunci air dibuka dan dalam masa kurang daripada 10 minits apabila kunci air di suruh buka kerana pengawal tidak ada di situ. Maka air pun surut dengan cepat sekali. Ini menunjukkan bahawa dari segi pengurusan tenaga manusia masih ada kekurangan bukan sahaja dengan stafnya tetapi juga kawalan peralatan yang begitu ringkas seperti kunci air ini. Saya memohon JPS Selangor memberi perhatian yang secukupnya bagaimana mengatasi kawalan kunci air ini musim tengkujuh. Kedua berkenaan dengan sistem pengairan di Kuala Langat, Kuala Langat seperti daerah Klang, Banting, Morib, Sijangkang, Batang Kali sama seperti apa yang berlaku di Pelabuhan Klang. Kita berada di bahagian hilir Lembangan Sungai so *we are at the receiving end of everything* so sekiranya rancangan itu tidak terapi kita tidak jaga *gatekeeper* kita tidak jaga betul-betul maka hakikatnya akan dirasai oleh penduduk. Sekarang Kuala Langat tidak begitu membangun apabila Kuala Langat mencapai 100% pembangunan seperti Klang saya yakin dan saya rasa cukup bimbang sekiranya staf dari segi kekuatan JPS tidak dinaikkan memberi para penduduk. Saya memohon supaya JPS sekarang kalau kita lihat dari senarai perjawatan hanya ada seorang Jurutera Daerah sahaja. Kalau dibandingkan dengan daerah-daerah lain yang

barangkali di pertengahan Lembah Sungai seperti Petaling atau Hulu Langat mereka mempunyai 2 orang Jurutera Daerah. Sekarang di kawasan Kuala Langat hanya ada satu orang sahaja. Saya kira ianya tidak mencukupi. Kedua ada kekurangan atau pun kekuatan tenaga di JPS Kuala Langat yang tidak begitu meyakinkan ini. Saya khuatir dari segi kawalan Saliran dan Pengairan terhadap projek-projek Pembangunan yang disifatkan sebagai *pocket development* atau pun *development*. Dia buat hanya 20 rumah, 30 rumah, rumah bangalow, rumah teres, semi-d tak sampai *loss* pembukaan atau pun kawasan pembangunan yang sangat kecil. Maka dari kawalan pengairan dan saliran itu dia cuba akan tolak dia akan buat kerja-kerja secara sambil lewa dan kita memerlukan kuatan tenaga di dalam kepakaran dan kemahiran di dalam JPS ini untuk membantu KL memantau Saliran dan Pengairan, calculation Engineering calculation basic of the calculation, design engineering itu adalah menepati keperluan saman Kuala Langat atau pun apa yang sedang berlaku di Kuala Langat sekarang kita perlu memastikan bahawa mereka dilengkapi dengan kepakaran, mereka menggunakan design yang terkini, bukan design yang dipelajari 10 atau 20 tahun yang lepas kerana perubahan iklim yang begitu setara sekali. Apa yang berlaku di Kuala Langat rainfall yang di catat di banyak tempat sudah berubah bukan mengurang tetapi bertambah. Ini memastikan sudah pasti memerlukan kekuatan Kuala Langat JPS Kuala Langat perlu dipertingkatkan supaya mereka dapat menyemak semua calculation atau pun kiraan yang dikemukakan oleh pemaju nanti dan bukannya terima pula. Mereka terima pula kerana mereka tidak ada masa atau pun sumber yang mencukupi untuk *double check* semak kembali apa yang dikemukakan oleh pemohon iaitu pemaju. Saya bagi contoh semalam di Taman Sri Manggis kerana kerja-kerja tambakan tanah yang diusahakan oleh sebuah pemaju yang bernama sebagai TNB. TNB Permodalan Nasional Berhad ingin membuat rumah membina rumah di Bandar Sri Sungai Emas menyebabkan saliran itu disekat sekali kerja-kerja tanah dan akibatnya air tidak dapat mengalir keluar daripada longkang-longkang di Taman tersebut dan kebetulan taman itu adalah taman yang sudah lama dibina pada tahun 60an, 70an berdiri di paras yang lebih rendah daripada jalan dengan saiz longkang yang cukup kecil. Saya kira ini adalah kepincangan-kepincangan atau pun masalah yang perlu diberi perhatian untuk kawasan Kuala Langat. Dan pada masa yang sama Kuala Langat akan memaju ke depan akan naik taraf seperti Majlis Perbandaran. Kekuatan tenaga JKR, JPS dan sebagainya perlu di naik tarafkan, perlu dipertingkatkan seperti saya kata kita hanya ada seorang Jurutera Daerah sahaja, itu saya kira tidak mencukupi. Jadi apa tah apabila kita ada perancangan untuk naik taraf saya memohon JPS juga ada satu rancangan pada masa depan bahawa ini MPKL akan naik taraf menjadi MPKL maka dari segi kekuatan tenaga mana-mana jabatan pun daerah Kuala Langat juga perlu dinaikkan secara pada masa yang sama, jadi itulah saranan saya, jadi sekianlah, terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI :** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian dalam muka surat 105 Aktiviti Butiran Kod 27000 dan 28000 mungkin saya nak menyentuh sedikit lain dari yang disebut oleh Banting. Kita maklum bahawa permasalahan global yang berlaku sehingga hari ini kaitkan paras air setiap tahun dan juga ubah iklim yang tak tertentu menyebabkan hujan yang sentiasa meningkat di negara kita. Begitu juga dengan ekologi yang telah dirosakkan oleh manusia banyak bakar-bakar, penampunan-penampunan air, pelbagai penampunan air ke bumi Selangor ini dirosakkan yang akhirnya saya kira beberapa perkara yang saya nak sentuh adalah flap gate pintu air yang bergantung kepada pasang surut air. Yang mana perlu penyelenggaraan yang baik kerana sebahagian juga flapgate ini berlaku kerosakan dan ini akan memberikan kesan kepada aliran keluar masuk air terganggu. Dan begitu juga berkaitan dengan benteng atau pun bund yang saya kira perlu juga di selenggara dengan baik dan sebab berlaku apabila air tinggi bund pecah, flap gate tidak berfungsi, maka ini menyebabkan masalah-masalah terutama di kawasan Sijangkang atau pun Kuala Langat seperti yang disebutkan oleh Banting tadi. Apatah lagi di Sijangkang kawasan perindustrian seperti pada bulan yang lalu Oktober berlaku banjir di kawasan Batu 9 dan Batu 10 Kampung Baru. Dan ini adalah kawasan-kawasan perindustrian yang kita khuatir. Industri-industri ini akan keluar daripada negeri Selangor ini oleh perkara-perkara begini. Selain daripada itu juga saya merasakan bahawa perlunya pam-pam air apabila berlaku banjir kilat tidak dapat menampung saluran kita yang tidak menampung hujan yang begitu banyak turun yang mana sangat beri kesan berlaku sebelum ini apabila hujan begitu lebat dan JPS dapat menggunakan pam-pam air untuk dipamkan daripada sungai ke laut dia memberikan satu jalan penyelesaian. Walaupun tidak bersifat jangka panjang tapi dalam sifat jangka pendek ia sangat membantu. Saya mengharapkan kos yang diuntukkan ini mungkin ia akan dilihat bagaimana keperluan-keperluan ini dapat dipertimbangkan dan juga bagaimana tenaga yang ada itu dapat digunakan untuk menyelenggarakan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, terima kasih.

**TUAN PENERUSI:** Sungai Kandis.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Terima kasih kepada Timbalan Speaker. Saya merujuk kepada muka surat 104 Aktiviti 50000 Pentadbiran dan Kewangan Kod Objek Sebagai 28000. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan yang lain berkaitan dengan sistem saluran kita di DUN Sungai Kandis yang setakat ini saya nak ucap tahniah kepada JPS yang telah memberikan perhatian yang lebih ke sistem perparitan. Namun begitu oleh kerana kawasan luar bandar ini kebanyakan tanahnya adalah tanah gambut dan parit yang di selenggara oleh JPS ini semakin lama semakin lebar. Setiap tahun bila dikorek melebar dan di tepi jalan justeru itu saya melihat untuk jangka panjang supaya parit-parit JPS ini dibuat parit batu atau pun longkang batu yang lebih kukuh di segi jangka panjang ia mengurangkan kos

selenggaraan. Contohnya di Johan Setia parit yang dulunya kecil sekarang seperti sungai dan jalannya merombak kerana sistem tanah semakin longgar. Itu yang pertama yang keduanya berkenaan dengan kolam takungan air banjir yang dibuat di Bandar Puteri. Ada 2 kolam di situ tetapi banjir apabila hujan lebat pasti Bandar Puteri antara tempat yang terkesan dengan sistem saliran air yang tidak menentu sama ada mereka nak ke utara atau selatan bahkan kadang-kadang air tenang tidak bergerak ke mana-mana. Justeru itu, saya melihat bahawa keperluan satu pelan induk sistem perparitan kita supaya diberikan taklimat kepada ADUN-ADUN supaya mereka faham yang mana parit milik JPS, parit milik JKR sebab setakat ini saya tidak melihat tanda ataupun pemilikan kalau parit JPS ada tanda JPS, kalau parit JKR ada tanda JKR jadi apabila ada aduan kita bawa ke pihak-pihak yang berkenaan, PBT kata bukan parit dia, JKR kata bukan parit dia akhirnya penyelenggaraan lambat dan banjir telah merosakkan banyak harta benda rakyat dan saya mohon sangat supaya peruntukan untuk sistem saliran ini ditambah supaya parit batu yang lebih kukuh lebih menjimatkan untuk jangka panjang dapat dilaksanakan. Sekian.

**TUAN Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Ijok.

**Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Ijok ingin rujuk kepada muka surat 105 Butiran 15000 Kod 27000 dan 28000. Di sini Ijok dapati bahawa peruntukan untuk PTS dikurangkan. Masalah paritan di Ijok itu memang dah lama kronik dan memerlukan satu pelan induk yang seluruhnya sebab kawasan Ijok itu kawasan rendah kalau hujan tak ada satu kampung pun tak kena banjir. Yang pelik bila hujan di Gombak kampung di banjir.

**TUAN Pengerusi:** Ijok ada berapa kampung Yang Berhormat?

**Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad :** Ijok ada tujuh kampung.

**TUAN Pengerusi:** Tujuh kampung.

**Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad :** Walaupun kampung baru yang dimasukkan slot kampung Ijok pun, Parit Mahang, Cherakah, Bukit Cherakah, pun banjir juga. Jadi saya harap Kerajaan Negeri Selangor akan kaji betul-betul tentang kawasan Ijok. Sebab... Alhamdulillah la, sekarang Kampung Seri Aman, Kampung Seri Sentosa, dah pergi ke Jeram. Itu pun kawasan banjir. Hujan sekejap banjir, sebab tanah, level tanah itu sama rata dengan sungai. Kalau air pasang di laut, air melimpah dari sungai masuk ke kawasan. Saya dapati banyak kelemahan, kekurangan seperti ban-ban, pam yang ada untuk pam air masuk ke sungai pun, ada satu ketika tu, tak fungsi. Ini membuatkan air pergi ke kampung-kampung, merosakkan harta benda, merosakkan tanam-tanaman. Ada satu kawasan tu, dia tanam buah-buah, buah-buah melon, rosak, habis. Jadi, saya harap harapkanlah, Kerajaan Negeri Selangor tambahlah peruntukkan untuk jabatan ini.

Lagi satu baru-baru ini, satu dua hari sudah, bila hujan, pekan pun banjir, pekan Bestari Jaya. Ini pekan pun tak dikecualikan dari banjir. Jadi saya nak tahulah tentang masalah banjir, saluran parit ini, saya nak beritahu, saya dapati bahawa pengurusan penyelenggaraan parit ini, amat lemah. Kadang-kadang kita tengok parit itu, sepatutnya parit itu diuruskan dua kali setahun, tapi takkanlah parit penuh dengan rumpun, rumput, penuh dengan sampah, nampak macam dua tahun sekali baru dijaga. Baru-baru ini, di Kampung Jawa Setia, bila saya jadi ADUN, air dari Kampung Jawa, Kampung Jawa, Bestari Jaya. Lima tahun sudah, saya masuk kawasan sebab paritan itu jadi masalah. Saya terpaksa guna peruntukan saya sendiri untuk korek. Dua tiga tahun okey. Baru-baru ini, dua hari sudah, kampung itu dilanda banjir kilat lagi sekali. Kalau tengok parit itu tidak diurus dengan elok. So, saya nak tahu, apa SOP JPS sebenarnya. Adakah pemantauan-pemantauan parit-parit ini dibuat. Untuk memastikan air dalam parit ini mengalir bukan dia rosakkan harta benda. Bukan banjir. Kadang-kadang kalau ditengok bawah air itu bertakung. Ini menimbulkan masalah kesihatan, macam denggi, malaria. Jadi saya harap harapkan peruntukan dinaikkan untuk kesihatan, keselesaan kawasan di Ijok. Sekian, terima kasih.

**TUAN PENERUSI:** Sila Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Terima kasih Tuan Speaker, saya merujuk kepada muka surat 105, butiran 505000, kod 28000. Tuan Speaker, ini berkenaan dengan Tasik Corva di Kota Damansara. Isu ini dah sangat lama berlarutan. Sehingga penduduk di sekitar tasik tersebut seolah-olah di tipu oleh pemaju. Isu ini, kata pemaju yang ambil tanggungjawab kemudian dikatakan juga MBPJ, lepas itu Kerajaan Negeri Selangor. Dan rungutan begitu banyak. Dan tasik tersebut boleh dikatakan telah dirosakkan oleh, kata orang, apa ni, kekurangan ataupun tidak ada penyelenggaraan yang sepatutnya dilakukan. Kota Damansara mengharapkan proses penyelenggaraan tasik itu dapat diselesaikan, kerana ini dah sampai ke peringkat mahkamah dah pun. PKNS kata pemaju, pemaju kata PKNS, lepas tu JPS dan sebagainya. Saya harap dengan peruntukan yang ada ini, penyelenggaraan dan dibaikpulih Tasik Corva dapat diberi keutamaan. Itu hasrat Kota Damansara. Sekian, terima kasih.

**TUAN PENERUSI:** Sungai Ramal.

**Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR** : Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya merujuk butiran 505000, no. kod objek 28000. Masih berkenaan dengan masalah banjir yang melanda, saya dapati bahawa alasan kekurangan dari segi penyelenggaraan kepada perparitan dan saluran oleh JPS ini, ia bukanlah seratus peratus penyebab kepada banjir. Ada satu lagi sebab yang kita alami, yang sangat malang yang sepatutnya boleh dielakkan, adalah diakibatkan oleh pelepasan air daripada empangan. Baru-baru ini bila



berlaku banjir yang besar di Daerah Hulu Langat pada bulan 10 dan bulan 11, mesyuarat mendapati bahawa kejadian itu berlaku disebabkan oleh pelepasan air daripada empangan yang tidak di *synchronize*, mana kata pihak operator yang melepaskan air empangan itu tidak memaklumkan kepada semua pihak yang berkenaan, sama ada Pejabat Daerah mahupun JPS, menyebabkan limpahan air yang terlalu banyak. Walaupun yang dilepaskan mungkin hanya lima peratus daripada air tadahan empangan tetapi ianya berjumlah jutaan liter air, yang tidak dapat dibendung dan ditampung oleh parit, sistem perparitan yang ada, walaupun dibesarkan sekalipun. Jadi sepatutnya perkara ini dapat dilihat dan ditadbir dengan lebih baik. Terutama kita sekarang sudah ada sistem maklumat yang maju dari segi bacaan anggaran hujan dan sebagainya. Taburan hujan telah dapat dijangka, maka itu dalam keadaan musim hujan sekarang ini, sepatutnya air di empangan tidak dibiarkan pada tahap tampungan 100%. Patut dikurangkan pada hanya mungkin 95% supaya ada baki untuk menampung tadahan hujan yang lebat. Apabila ini tidak diurus tadbir dengan baik, ianya menyebabkan apabila hujan lebat sahaja, air empangan terpaksa dilepaskan. Dengan itu pula tidak diberi notis awal kepada agensi-agensy yang berkaitan menyebabkan banjir yang besar, yang sangat menganiaya kepada terutamanya penduduk-penduduk kawasan taman dan kampung yang menanggung bencana ini. Saya mohon perkara ini dilihat iaitu urusan komunikasi, *synchronization*, dengan izin, di antara pihak-pihak yang bertanggungjawab, melibatkan Pejabat Daerah, melibatkan pihak JPS, melibatkan pihak Air Selangor, operator empangan, semuanya haruslah diselaraskan. Terima kasih.

**TUAN PENERUSI:** Silakan Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat. Ini muka surat 105, butiran program 512000, kod 26000. Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat, saya ingin membangkitkan berkenaan isu banjir, berkenaan dengan, boleh tak kita menggunakan peruntukan JPS untuk membeli mobil pam lebih kerana kebanyakan kampung-kampung kita memang bergantung kepada kunci-kunci air. Tetapi kunci-kunci air pam, di kunci-kunci air juga perlu di *up-grade*, dengan izin. Kerana pam ada kalanya beberapa pam itu, saya ambil kesempatan untuk mengucapkan syabas kepada JPS, setakat in dia boleh menampung. Tetapi dengan pembelian mobil pam, dapat membantu di kawasan-kawasan perkampungan. Misal ada juga masalah di mana ada longkang-longkang masih di penyelenggaraan oleh MPK ataupun PBT. Tetapi inilah masanya, kadang-kadang ada masalah pam, kita tidak dapat menghubungi Jabatan Kejuruteraan PBT, kita perlukan bantuan JPS. Oleh itu, saya cadangkan kita perlu menaikkan peruntukan untuk membenarkan JPS membeli mobil-mobil pam. Terima kasih.



**TUAN Pengerusi:** Sila Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Terima kasih kepada Timbalan Speaker. So, saya ingin merujuk kepada

**TUAN Pengerusi:** Ya, sebagaimana Yang Berhormat EXCO sebutkan.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Okey, Pengerusi...

**TUAN Pengerusi:** Speaker, Timbalan Speaker, bila cokmar duduk atas itu.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Okey,

**TUAN Pengerusi:** Cokmar duduk bawah Pengerusi Timbalan Pengerusi.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Okey, faham. Terima kasih Pengerusi. so, merujuk kepada muka surat 104, butiran program 505000, kod objeknya 28000, so, dalam itu ada satu dasar baru yang berjumlah RM1,000,000.00, so saya nak bertanya berkenaan dengan maklumat berkenaan tersebut. Yang kedua adalah berkenaan, disebabkan saya nampak ada satu pentadbiran dan kewangan dan yang bawah itu adalah perkhidmatan luar, nak tahu apa perbezaan antara dua ini. Disebabkan nampak jenis bekal perbelanjaan tu adalah agak sama. Yang ketiga, saya nak bangkitkan berkenaan isu di kawasan Rawang iaitu Sungai Gong. Yang seperti tadi ada Yang Berhormat mengatakan, disebabkan sebahagian daripada Sungai Gong ini merupakan di bawah selenggara, bawah developer lagi, tapi developer itu disebabkan, sebab-sebab mereka dan kini kita tak nampak ada apa-apa progres di atas tapak tersebut. Dan sentiasa berlaku banjir adalah di tapak tersebut. So, waktu kita akan minta JPS untuk mengambil tindakan, JPS akan sentiasa kata, yang itu adalah bawah developer. So, yang akhirnya yang jadi mangsa adalah rakyat. So, memohon ada apa tindakan yang seterusnya berkenaan itu.

**TUAN Pengerusi:** Sila Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sementa ingin membahaskan Vot, muka surat 104, 505000 dan juga kod objek 28000. Sementa ingin menarik perhatian tentang penyelenggaraan ataupun pengurusan ban-ban sepanjang pantai dan juga sepanjang tebing-tebing sungai, yang mana Sementa juga adalah antara kawasan yang bila berlaku air pasang tinggi, kita pihak penduduk kampung akan sentiasa mengintai-ngintai ke tepi laut, ke tepi ban, untuk melihat adakah ban ini cukup tinggi untuk air laut itu sup aya tidak melimpah ke kampung.

Begitu juga ban-ban di sepanjang sungai, terutama Sungai Kapar Besar. Yang mana baru-baru ini apabila berlaku hujan dan ada pecah sedikit ban tersebut, air melimpah masuk ke kampung dan jadi masalah kepada penduduk kampung, banjir dan juga banjir yang air tenang, tidak boleh untuk keluar, memakan masa beberapa hari. Jadi ini, saya mengharapkan agar JPS, mungkin diberikan peruntukan yang lebih untuk memastikan ban-ban sepanjang pantai dan juga ban-ban sepanjang sungai ini di ambil, dipantau dan juga dipastikan ia sentiasa kukuh. Satu lagi, ban ataupun benteng di Kampung Sungai Serdang, yang mana baru-baru ini ia telah mula rebak dan kita juga takut bila berlakunya air pasang tinggi nanti, ban ini tidak dapat menampung dan ia akan terhakis dan akan terhakis lebih banyak. Jadi saya mengharapkan agar JPS juga akan mengambil tindakan terhadap perkara tersebut. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Sila Kuang.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada butiran program aktiviti 512000, kod objek 29000. Saya ingin menyambung hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat Rawang kerana Rawang dan juga Kuang ini bersempadan dan merasai kesengsaraan yang sama. Kerana apabila limpahan yang berlaku di Sungai Gong. Ia akan melibatkan Sungai Kundang. Dan Sungai Kundang itu mempunyai satu dua sungai akan bercantum di persimpangan sebelum masuk ke Sungai Selangor. Saya melihat ada kelemahan dari sudut, dari jabatan sendiri. Melaksanakan kajian terhadap lembangan di dua dua sungai. Pertama di Sungai Kundang dan kedua di Sungai Gong kerana banyak terdapat aktiviti ataupun ...*pond* (kolam takungan) yang tidak dicantumkan ke sungai-sungai berkenaan. Sama ada berlaku semula jadi ataupun memang *main made*, apa punya ni kolam itu soal lain. Tapi kolam yang buatan manusia untuk menyalirkan air di dalamnya pertama tidak diselenggarakan dengan baik. Dan akhirnya akan berlaku banjir. Pertama, yang paling terkesan adalah di sepanjang Sungai Gong kerana apabila aliran sudah penuh air di Sungai Kundang ini ia kan *flow back* ke ia akan melawan arus balik. Ia akan balik kepada Sungai Gong. Dan akhirnya di persimpangan itulah permasalahannya yang tidak boleh di *detect* oleh JPS. Dan saya hendak sebut sekali lagi lah! supaya JPS kali ini jangan terlalu berharap kepada *consultant*, kerana laporan daripada *consultant* ini selalunya tidak, kita mendapatkan, kita mendapatkan apa, faedah yang secukupnya. Ada beberapa kolam yang dicadangkan dibuat oleh *consultant* kepada JPS diterima bulat-bulat tanpa melalui kajian daripada jabatan itu sendiri. Saya hendak mencadangkan kepada JPS supaya terus memerhatikan persimpangan di antara Sungai Gong dan juga Sungai Kundang ini. Kerana di persimpangan itulah jika tidak boleh lakukan kita korek untuk buat satu kolam yang besar di situ, maka penyelesaian terhadap banjir di Rawang, banjir di Kundang dan sebagai tidak dapat kita atasi. Dan satu lagi, JPS ini kena mengkaji panjangnya sungai ini daripada Sungai Serai, dari *up*

*river ke down river* memastikan setiap 10 meter ini kita korek satu kolam untuk menampung pasir dan sebagainya di dalam kolam tersebut. Dan di situ kita boleh mengeluarkan pasir untuk *service*, untuk selenggara sungai. Itu cadangan sayalah! Saya sebenarnya terkesan dengan apa yang berlaku di Rawang. Bukan sahaja Yang Berhormat Rawang yang sakit kepala, Kuang pun sama juga terasa kerana, kerana sebahagian penduduk Kuang itu kerja di Rawang dan mungkin balik mengikut jalan tersebut. Dan kita tengok berapa banyak keadaan banjir berlaku di kawasan B27 kereta boleh masuk, kereta boleh jadi sampan dan sebagainya. Yang Berhormat terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Sungai tempat Yang Berhormat ini mana satu? Rawang dulu ke, Kuang dulu?

**Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin:** Rawang dulu lepas tu masuk ke Kundang. Kundang ini kita tahulah memang tiap-tiap hari banjir. Dan ada satu penempatan ini

**TUAN Pengerusi:** Tiap-tiap hari banjir Yang Berhormat ya?

**Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin:** Tiap-tiap hari banjir.

**TUAN Pengerusi:** Saya rasa itu Yang Berhormat EXCO kena tengok tu. Ok.

**Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin:** Satu penempatan ini semenjak saya jadi, semenjak 9 Mei hingga sekarang ini tidak selesai. Rumah itu ada satu sahaja. Tapi bila hujan sahaja dia mesti naik. Dia mesti whatsapp saya dia cakap, dia tanya saya Y.B. bolehlah tidur malam-malam, saya tidak boleh tidur sebab rumah saya penuh dengan air. Saya faham dah ke mana saya pergi, saya sudah tahu di Kuang ini hujan sahaja, dua minit lagi whatsapp pun masuk. Dia akan *inform* saya sentiasa. Dan benda ini banjir di rumah dia ni 6 bulan 8 bulan dia tidak pernah selesai. Tidak selesai sampai sekarang. Kerana apabila dibuat benteng-benteng di tebing sungai itu, tetapi dibuatnya satu *live* apa yang dipanggil *live gate*. Ia tidak boleh selesai. Rupanya dia *back flow*. *Flow back*. Bila dia lawan balik air itu dia masuk balik dalam *live gate* itu akhirnya kawasan itu banjir juga. Saya ingat sudah 3 kali dah JPS Gombak ni membaiki *live gate* tu tapi sampai sekarang tiada penyelesaian. Fasal bila ia buat dia tidak bincang dengan kita pun. Bukannya kita pandai sangat tapi sekurang-kurangnya pandangan itu harus diambil kira. Saya harap begitulah supaya JPS Gombak lebih proaktif sikitlah! Jangan buat sesuatu benda agak, akhirnya menyusahkan rakyat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**TUAN Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. Tuan Ir Izhah Bin Hashim:** Terima kasih Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat saya tengok bagaimana juga JKR berminat mendalam di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada 12 ke 13 Ahli Yang Berhormat yang bertanya berbahas berhubung

dengan Bajet bagi Jabatan Pengairan Dan Saliran. Saya sebenarnya sebahagian besarnya berhubung kait dengan kot 28000 berhubung dengan selenggaraan dan pembaikan kerja-kerja JPS di seluruh negeri Selangor. Untuk soalan yang daripada, sebelum saya menjawab soalan itu, bagi saya umum menjawab melibatkan soalan-soalan ini. Saya telah berucap dalam dan berbahas dalam beberapa penggulungan dan beberapa soalan mulut berhubung dengan isu banjir ini. Dan yang kompenan saya pun telah menyebut, kompenan utama dalam kita kawalan banjir mengatasi banjir ini melibatkan sistem saluran parit dan sungai-sungai iaitu satu kompenan. Keduanya, kolam takungan ataupun kolam tebatan banjir. Dan kawasan-kawasan di muara sungai itu semua kawasan rendah itulah kompenan pintu air ataupun kunci air ini juga memainkan peranan yang penting dalam sistem mengatasi banjir atau tebatan banjir. Jadi saya akur dan maklum pengalaman dalam Ahli Majlis dulu tu pun kita mengalami masalah dari segi selenggaraan kolam-kolam, parit-parit dan juga kolam takungan banjir ini yang perlu dipertingkatkan. Saya sudah berkongsi juga masalah di antaranya adalah saya ada sebut kita mempunyai 400 lebih kolam takungan di seluruh Selangor dan akan bertambah tetapi kita menghadapi masalah dari segi aaa... dan menyerahkan kepada JPS. Kerana daripada 400 lebih hanya 40 sahaja yang rasminya di bawah tanggungjawab JPS. Walau bagaimanapun, pihak JPS apabila ada keperluan mendesak untuk menyelenggara terpaksa mengambil juga langkah-langkah menyelenggara walaupun tidak diletakkan atau diserahkan secara rasmi pada mereka menyebabkan kadang-kadang kes-kes mahkamah pula saman kerana bertindak di kawasan-kawasan di *private* dan kawasan kolam yang swasta. Ini di antara masalah-masalah dan kita kenal pasti masalah bukan kita hendak beri alasan. Tapi ini hakikatnya yang berlaku. Dalam beberapa bulan saya menjadi EXCO pun ini perkara pertama saya minta supaya pihak JPS mengenal pasti dan mencari jalan bagaimana kita hendak ambil alih kolam-kolam ini. Kerana ia satu kompenan yang sangat penting dalam mengatasi banjir ini. Kita tidak ada pilihan untuk pembangunan yang tinggi dan sistem perparitan dan saluran yang besarnya masih ditakuk yang lama. Dengan *pocket development* lagi yang membuat secara **berbismir** pembangunan ini menyebabkan saluran kita masalah. Jadi tentulah kompenan untuk kolam takungan ini menjadi sangat penting untuk menahan air itu hingga air sungai dah surut baru dilepaskan. Jadi apabila tempat begini pun tidak dapat dibuat selenggara dengan baik dengan kekangan yang saya sebutkan tadi menyebabkan kolam-kolam mendapan telah banyak, menjadi tak jadi macam kolam dah menjadi padang bola pula. Jadi ini yang saya perhatian yang berlaku. Jadi saya telah mengarahkan, pertama pihak JPS mengadakan pertemuan segera dengan pihak PBT yang mana menjadi ... dan pihak-pihak swasta yang lain untuk mencari jalan bagaimana kita hendak mengambil alih kolam-kolam ini di bawah JPS. Ia melibatkan juga kos tambahan yang kita kena minta nanti membuat kerja-kerja mengukur, membuat *drawing* balik, untuk .... *Drawing* dan mengenal pasti *owner* nya siapa untuk diambil alih. Dan ini kita telah pun persetujuan dan mesyuarat pun telah mula

buat untuk mendapatkan perkara ini. Dan ini sementara perkara yang kita dapat fahami untuk memperbaiki sistem mengatasi mitigasi banjir kita. Untuk soalan Hulu Kelang tadi saya menyebut bidang kuasa sekarang ini kita mempunyai isu pun saya telah sebut berhubung dengan masalah pemilikan macam juga jalan, longkang tidak tahu *owner* siapa punya. Kadang-kadang separuh orang lain punya dan separuh lagi orang lain punya. Ini pun kita mengenal pasti untuk inventori yang telah kita mulakan. Jadi beri masa sedikit untuk kita selesaikan perkara ini sebab ia ada melibatkan JPS, PBT dan juga JKR yang melibatkan pemilikan longkang-longkang dan parit-parit ini.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Sedikit penjelasan. Bukankah pada mulanya dia bukan oleh pemaju. Pemaju bila pemaju boleh lepas tangan macam itu?

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM:** Yang mana, longkang? Itu saya sebut tadi bahawa apabila pembangunan itu sudah dibuat selepas kebenaran merancang diberi peranan merancang diberi oleh pemaju untuk membangunkan. Apabila selesai perparitan kawasan taman biasanya di bawah PBT tetapi apabila di kawasan monsun *drain* dan sebagainya dan juga parit dan sungai di bawah JPS itu para umumnya begitu pemilikan dan hak tanggungjawab hak masing-masing. Tapi kadang-kadang anak sungai daripada itu telah menjadi macam sungai sudah besar. Contohnya Sungai Gong tadi sungai di B27 Rawang tadi. Yang Berhormat Rawang sebutkan tadi. Asalnya sebuah parit kecil sahaja tapi disebabkan apa ini hujan yang lebat dan saliran yang tidak mencukupi maka telah menjadi sebagai sungai dan tidak boleh menampung air-air ini. Air yang terutama hutan yang lebat tidak boleh menampung keadaannya. Itu antara punca yang saya sendiri turun di tempat. Boleh duduk dulu! biar saya terang dulu! Saya sendiri melawat di tempat itu pada ketika bersama Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar turun melawat turun ke Hulu Selangor kita pergi B27 ini dan kita melihat sendiri keadaan kolam takungan banjir dan jalan-jalan B27 di sana dan kita telah pun mencadangkan di situ untuk menggunakan kolam takungan kita pun tidak tahu dah siapa punya. Anggun 1 dan Anggun 2. Nama dah begitu cantik Anggun 1 dan Anggun 2 tapi kita tidak tahu siapa punya. Dan saya tengok kolam takungan ini pun mendapan yang telah tinggi sudah tidak menjadi kolam. Itu pun perlu. Dan saya kita telah minta JPS mengenal pasti siapa pemilik kolam-kolam ini. Itu antara-antara yang kita buat. Yang sekarang kita buat. Untuk Pelabuhan Klang, untuk makluman Yang Berhormat Pelabuhan Klang, JPS ini ia sistem pentadbiran dan sistem pengurusan kewangan tidak sama dengan JKR. Walaupun dia ada Jurutera Daerah tetapi ia semua pengurusan dibuat di ibu pejabat. Kalau kita tengok di sini tiada agih-agihan peruntukan mengikut daerah. Pengurusan kewangan di ibu pejabat sebab itu bila lihat bawah kod 28000 *amount* nya sangat besar RM60 Juta. Jadi itu sebenarnya termasuk ke seluruh daerah dan ibu pejabat. Saya maklum bukan kali pertama saya mendengar itu, saya maklum kita kan ambil *take note* apa yang dimaklumkan pintu air, sebagai kunci air, parit dan longkang kita ambil perhatian untuk kita ambil tindakan segera. Dan untuk Banting.

Yang Berhormat Banting pun menyebut kunci air dan kita akui, memang pihak JPS mengakui itu bahawa kesilapan manusia kerana lambat menguruskan pintu air atau kunci air ini menyebabkan banjir itu kalau dapat diuruskan dengan segera perkara itu dapat dielakkan. Dan sekarang kita telah mengambil langkah untuk kalau boleh untuk secara diautomatikkan bagaimana pengurusan kunci air yang berkenaan. Ok yang saya juga maklum mengenai cadangan yang baik daripada Yang Berhormat Banting berhubung dengan pengurusan ataupun pembangunan sumber manusia. Untuk makluman semua Jurutera yang peringkat pangkat Jurutera ini sebenarnya ada dua sahaja Petaling dengan Gombak saja di bawah JPS, ini di peringkat daerah. Tempat lain belum jadi kita akan berbincang untuk mendapatkan makluman yang lebih dan juga cuba untuk mendapatkan “*upgredkan*” naik tarafkan jurutera-jurutera kita ini memandangkan isu banjir ini di Selangor ini nampaknya akan menjadi lebih hebat kita doakan tidak berlaku lebih teruklah. Untuk masa akan datang kita akan cuba yang terbaik dan ini termasuk juga bukan sahaja pembangunan infrastruktur yang baik, kita memerlukan tenaga manusia, tenaga warga kerja yang hebat juga untuk menguruskan perkara-perkara ini. Sama juga yang disebut oleh Sijangkang dan saya sebut juga sama dengan Sementa tadi isu dengan ban. Saya ada melawat beberapa tempat ban ini, memang diakui kebanyakan ban ini adalah ban tanah dan apabila air yang agak tinggi tetapi ditambah pula dengan alun oleh bot yang lalu lalang itu menyebabkan pecah. Banyak berlaku dan saya telah minta kepada JPS supaya dapat dipertingkatkan kualiti ban-ban ini kalau boleh ditambah dengan pemecah ombaknya untuk menghalang daripadanya. Biasanya kalau dia melibatkan banjir saja kurang sedikit, kalau ada kapal atau apa saja yang diikat dekat berhampiran yang berlaku di Kuala Langat itu di Sungai Langat itu melibat lajer pasir ini yang melombong pasir di laut ini dan dia biasanya bila kerja dia akan letak di sepanjang sungai di Langat itu dan kadang-kadang pergerakannya itu memecahkan ban ini yang berlaku. Yan kita dapat makluman mengenainya dan kita telah mengambil tindakan bersepadu untuk mengenal pasti lajer ini sebenarnya mereka tidak boleh meletak lejar itu “*park*” di situ. Tidak menjadi kesalahan kita akan ambil tindakan-tindakan susulan untuk menghalang daripada berlaku perkara ini. Ban ini pun selain daripada itu saya, ok.

**TUAN PENERUSI:** Sijangkang.

**Y.B. DATO’ DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI:** Terima kasih Pengerusi, apa pandangan Yang Berhormat Pandan kalau kita ubah, mula menggunakan sistem gelung yang diisi dengan pasir-pasir untuk ban-ban atau benteng-benteng kita.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Yang dipanggil “*gebian*” di mana gegelung besi itu letakkan batu itu dalam itu ada tempat-tempat tertentu yang kita letakkan terutama tempat-tempat yang kita anggap agak. Kalau kita nak letak semua tempat ini mungkin



kos yang agak tinggi, kita tengok keadaan dan keperluan untuk kita ambil tindakan kita, tindakan-tindakan susulan itu.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Yang menggunakan gelung plastik dan diisi dengan pasir-pasir, itu lebih baik.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Ada dia ambil langkah-langkah sebenarnya masuk "sand beg" pun ada dibuat di beberapa tempat. Jadi kita akan tengok keadaan, kita akan perbaiki sebab sekarang ini kebanyakannya memang banyak ban tanah sahaja. Saya akui memang itu bukanlah kaedah terbaik ialah untuk mengukuhkan ban ini. Tapi kemampuan setakat itu tapi tempat-tempat yang kita dapati selalu berlaku maka kita akan ambil langkah-langkah yang lebih untuk memastikan struktur yang lebih kukuh dan juga selain daripada itu ban-ban ini semua melibatkan Sementa tadi tempat Yang Berhormat Sementa dan juga di Sijangkang tadi. Ialah kita juga menggalakkan dan termasuk kita dah mula Sungai Tawar, penanaman pokok-pokok bakau dan juga tanaman yang sewaktu dengannya. Contohnya pokok api-api, pokok berembang dan juga nipah. Pokok-pokok ini ialah merupakan tempat tuan pokok yang asal di tempat-tempat yang dipanggil "wetland" ini yang sangat sesuai selain daripada memelihara sistem ekologi dan juga memelihara dari segi hakisan. Itu pun dah telah mula kita perkenalkan pokok berembang ini kita mulakan semua tempat tinggal bagi klip-klip ya. Yang Sungai Kandis, Yang Berhormat Sungai Kandis pun soalan kod yang sama saya maklum dan Sungai Kandis masalahnya lebih sukar lagi kerana dia di bawah kawasan gambut. Ini memang lagilah menjadi masalah yang besar dari segi pembangunan memang daripada parit boleh jadi sungai kerana air yang banyak dan juga tanah yang sangat lembut mudah runtuh tebingnya sebagai benteng. Kita akan melihat memang ada cadangan untuk meletakkan U-dran ataupun L-dran bagi kawasan-kawasan yang sebegini untuk tebing yang lebih kukuh. Saya akan mendapatkan maklumat lebih lanjut tentang Bandar Puteri ini apakah masalah sebenarnya berhubung dengan banjir yang berlaku di kawasan sana. Tapi Bandar Puteri ini pun memang letak di kawasan gambut, saya dapat banyak aduan berhubung dengan keretakan dan mendapan, yang banyak di kawasan berkenaan. Lagi Ijok dan juga maklum juga memang saya pun terkejut dengan dengar jugalah semua banjir di situ. Jadi mungkin kita boleh pergi tengoklah macam mana.

**TUAN Pengerusi:** Tunjukkan kampung Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Tapi saya sudah sebut dalam ucapan mulut pun saya sudah beritahu bahawa tempat ini kawasan rendah. Jadi air sungai itu melebihi lebih tinggi daripada air di dalam, lebih tinggi daripada kampung. Jadi apabila air tinggi naik sahaja maka air akan mengalir masuk ke dalam jadi kita perlu pam. Pam

itu memang kita sediakan cuma mungkin tidak mencukupi kita akan sedia lebih banyak lagi.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Boleh saya mencelah. Ini yang paling “urgent” ialah kawasan Kampung Harmoni, bila hujan di Gombak, Kampung Harmoni banjir saya dapati bahawa air mengalir di Gombak nak masuk ke sungai parit itu dari nak sampai ke sungai dia mengecut. Kalaulah boleh JPS dia kecil, jadi boleh membesarkan jadi hujan di Gombak, daerah Gombak tetapi banjirnya di Ijok.

**TUAN Pengerusi:** Sebelum Yang Berhormat Exco, cuma saya nak maklum persidangan kita ini diikuti oleh rakyat di luar dan jawapan-jawapan exco dan pertanyaan-pertanyaan oleh Yang Berhormat ini sangat penting. Cuma saya mendapat beberapa “wassap” menyatakan bahawa ICT TV Selangor kita tidak dapat diakses oleh rakyat di luar. Sebab ini adalah jawapan yang sangat penting. Minta unit ICT tolong semak balik. Silakan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM:** Sebenarnya saya pun bermasalah dah dua hari, masalah dengan e-sidang ini, saya punya. Itu kadang-kadang jawapan pun terpaksa tunggu bertulis untuk sampai walau bagaimanapun harap dapat ICT dapat betulkan keadaan. Saya maklum apa, nama kampung dah cantik Kampung Harmoni. Saya harap inn shaa Allah kalau belanja ini pun suasana tetap harmoni di situ inn shaa Allah. Kita akan cari jalan isu yang saya sebut tadi yang besar, kita akan cari jalan bagaimana sistem pam mungkin kita kena tambah sebagainya untuk bantu tempat berkenaan. Saya akan siasat dan tengok sendiri perkara ini ya. Tentang Yang Berhormat Sungai Ramal tadi untuk makluman Sungai Ramal pelepasan air daripada empangan ini memang berjadual kecuali dalam keadaan tertentu air yang begitu banyak tetapi dalam keadaan begini memang dia ada jadual dia untuk pelepasan air daripada empangan. Dan biasanya nak sampai contohnya Empangan Langat ini dia kalau dia lepaskan air nak sampai ke muka sauk itu tempat entek itu 15 jam. Jadi 15 jam kadang-kadang lepas air dah 15 jam sampai sini hujan lebat pula jadi bertambah air itu. Jadi dianggap oleh orang ramai bahawa seolah-olah dia memang lepas air itu kerana air itu terlalu banyak, tidak itu memang 15 jam dia memerlukan untuk sampai di muka sauk itu iaitu entek di Langat itu. Itu keadaan yang berlaku begitu masa itu tidak hujan lagi 15 jam tapi 15 jam masa itu hujan menyebabkan berlaku dan kita memang ada jadual dan maklumat sebarang pelepasan air di kawasan empangan dam ini. Saya setuju dengan Yang Berhormat Sentosa mobil pam ini di bawah pembangunan pembelian pam ini kita akan bincang di bawah pembangunan penyelenggaraan ini memang kita melibatkan mobil pam ini memang kita banyak dan kita akan tambah lagi untuk keperluan banjir ini. Untuk Rawang saya telah jawab tadi saya faham Sungai Gong.



**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT:** Yang dasar baru satu juta.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Ya dasar baru ini sebenarnya ini penambahan baikkan, penambahan kepada kerja-kerja penyelenggaraan yang dibuat tapi dasar ini kita jadi tambah satu juta itu yang satu juta itukan kita tambah jadi pada tahun depan dia sudah masuk dalam jumlah besar. Untuk tahun ini dia tambah baru jadi tahun depan dia dah masuk dalam bajet yang sedia ada untuk tahun depan. Ini untuk penyelenggaraan juga dan bagi Yang Berhormat Kuang sahabat saya yang tidak segan silu untuk bersama-sama berbahas saya ucap tahniah. Yang Berhormat yang paling aktif saya turun ke Sabak Bernam dia ada tiap-tiap kali saya turun Sabak Bernam dia ada di Sabak Bernam, jadi hebat Yang Berhormat Kuang ini. Jadi saya maklum mengenai masalah itu dan saya akan juga mengambil kira sebaik mungkin sidang sekali lagi inn shaa Allah kita nampak perubahan-perubahan untuk kawasan Yang Berhormat Kuang, terima kasih.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR:** Maaf Tuan Pengerusi.

**TUAN PENERUSI:** Ya

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR:** Dengan izin dia ada sebab tentang Tasik Koba.

**TUAN PENERUSI:** Ada yang tertinggal.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR:** Ada. Tasik Koba.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Tasik Koba sebagaimana saya sebut awal tadi, kita nak lihat dulu Tasik Koba ini kolam takungan ini siapa punya. Kita kena tengok dulu mana yang sebut tadi banyak cara dia cerita tadi seolah PKNS dengan pemaju yang kita kena siasat dulu siapa pemilik ini. Walau bagaimanapun saya akan tunggu laporan sekejap lagi secara “*detai*” sebenarnya siapa punya kolam ini dan bila di bawah kawalan siapa. Sebab apa yang sebut tadi memang banyak sebahagian besar daripada kolam takungan ini di bawah swasta dan belum diserahkan. Jadi kita kena lihat dulu bagaimana kedudukannya.

**TUAN PENERUSI:** Tasik Koba ini sudah ada keputusan mahkamah, keputusannya agak jelas namun tidak ada mana-mana pihak nak laksanakan benda itu.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Kalau ikut keputusan itu kerajaan negeri.

**TUAN Pengerusi:** Kena semak ya benda ini, nak pastikan dulu apa yang sebenarnya keputusan. Ya Kuang. Kuang nak sambung sedikit lagi. Sambung tidak dibenarkan. Kalau tertinggal Yang Berhormat telah jawab tadi.

**Y.B. Tuan Ir. Izhah Bin Hashim:** Kalau Dia tidak jawab sekarang pun tak apa, saya nak maklumkan berkenaan dengan Kuang juga.

**TUAN Pengerusi:** Nanti Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat Exco telah jawab melainkan kalau ada jawapan tinggal.

**Y.B. Tuan Chua Wei Kiat:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**TUAN Pengerusi:** Jadual B13 iaitu wang sejumlah RM113,435,492 dan sen 85 untuk kepala B13 Jabatan Pengaliran dan Saliran menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. **Dipersetujui.**

**PENOLONG Setiausaha Dewan:** Jadual B14 Jabatan Agama Islam Selangor RM275,421,978.80.

**TUAN Pengerusi:** Sila Sijangkang.

**Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Ahmad Hairi:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin menarik perhatian dalam muka surat 109, Butiran 51, 5000 kod 11000 dan juga muka surat 114 program butiran 548000 kod 1200, 13000 terutamanya saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang begitu prihatin di atas tanggungjawabnya untuk memberikan atau pun memerlukan peruntukkan selama ini untuk memberikan imbuhan kepada guru, memberikan pengajian kepada elaan guru-guru KAFA yang mana lebih daripada 6,000 guru-guru KAFA yang berada di Negeri Selangor ini lebih daripada 4,000 elaunnya dibayar oleh Kerajaan Negeri cuma lebih kurang 2,000 lebih yang dikongsi oleh Kerajaan Persekutuan. Baru-baru ini kita mendengar bahawa guru-guru KAFA ini akan diserapkan kepada jawatan yang mana saya kira ini adalah satu inisiatif yang sangat baik kerana selama ini guru-guru KAFA ini adalah bersifat guru sambil yang menjadi pertanyaan saya adalah berapa ramai guru-guru KAFA yang berada di Selangor ini yang layak untuk diberikan perjawatan ini kerana kita sedia maklum sebahagian daripada guru-guru ini sudah mendapat rangsangan daripada Jabatan Agama Islam Selangor untuk menyambung pelajaran di peringkat Diploma Pendidikan yang mana menjadi pra syarat kepada penyerapan

kepada jawatan-jawatan guru-guru KAFA ini. Dan saya juga ingin bertanya sama ada Kerajaan Negeri akan terus memberikan satu program merangsang mereka ini yang belum ada diploma agar mereka dapat terlibat dalam program-program tersebut.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan perkara 518000 Pengurusan Masjid yang mana kita sedia maklum masih ditadbir secara enakmen mempunyai perjawatan Gred 41 yang mana saya kira setakat ini semua adalah jawatan kontrak yang sebahagian daripada penjawat-penjawat ini lebih daripada 10 tahun, 15 tahun masih lagi berjawatan kontrak. Yang saya kira mungkin dengan pengumuman menteri, dengan perjawatan guru-guru KAFA ini akan ada penambahan-penambahan perjawatan daripada jawatan tetap daripada JP itu sendiri. Dan saya mengharapkan ia juga akan mengambil kira oleh Jabatan Agama Islam untuk melihat bagaimana kita dapat memperkasakan supaya akhirnya mereka ini diberikan jawatan ini akan dapat melaksanakan tanggungjawab mereka ini dengan lebih baik lagi, terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Ya silakan Pelabuan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 111 Butiran Program dan Aktiviti 52900 Kod Objek sebagai 2900. Saya ingin tahu apakah yang akan diselidiki dan dibangunkan melalui jabatan ini. Dan saya ingin mencadangkan mungkin melalui vot ini supaya ada satu penyelidikan atau pun kajian untuk membangunkan sebuah masjid baharu di kawasan Kampung Pendamar. Sebab masjid yang sedia ada sekarang ini sudah tidak boleh lagi menampung jemaah yang ramai terutamanya sewaktu mengadakan solat Jumaat setiap minggu. Dan sekarang ini kapasiti masjid itu kalau kita lihat hanya boleh menampung seramai lebih kurang maksimum pun 600 orang jemaah. Dan ditapak yang sedia ada itu masih besar lagi dan sudah banyak kali saya rasa jawatankuasa masjid memohon untuk dibina sebuah masjid baharu memandangkan ada tambahan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker.

**TUAN Pengerusi:** Ya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Peraturan tetap ini adalah soal pembangunan.

**TUAN Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat sila duduk dulu.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Ok, ok dan saya merujuk kepada muka surat 109 Butiran Program Aktiviti 515000 dan Kod Subjek 2500 dan juga 28000. Saya

ingin tahu sebab bahan-bahan makanan dan minuman ini banyak sampai RM3 juta. Apakah bahan-bahan makanan dan minuman untuk pendidikan Islam. Dan yang kedua ada penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli dan saya mohon di bawah DUN Pelabuhan Klang saya ada tiga buah sekolah rendah agama iaitu Sekolah Rendah Agama Pandanmaran Jaya dan Sekolah Rendah Agama Taman Kem dan Sekolah Rendah Agama Pulau Indah. Tetapi kalau dilihat masalah-masalah infrastruktur di sekolah ini telah banyak dilaporkan kepada pihak Jabatan Agama Islam tetapi tiada tindakan yang diambil atas alasan bajet tiada. Mungkin saya lihat di sini penyelenggaraan dan pembaikan kecil ini bajetnya mungkin begitu kecil untuk menyelenggarakan. Mungkin termasuk dengan bangunan-bangunan sekolah rendah agama rakyat. Jadi saya harap supaya pihak Jabatan Agama Islam melihat, saya ambil contoh baru-baru ini saya pergi ke Sekolah Rendah Agama Pandanmaran Jaya, saya lihat berlaku pembaziran di situ di mana tangki air dan saya dimaklumkan oleh pihak pengurusan sekolah, tangki air itu telah lama dilaporkan kepada pihak Jabatan Agama Islam dan saya bertanya siapa yang bayar bil air ini? Bayar bil air ini adalah Jabatan Agama Islam, di mana tangki air itu bocor dan lama dan bocor itu semakin besar. Dan air sentiasa turun daripada tangki yang tinggi itu mengalir dan budak-budak sukalah macam mandi air terjun. Dan terus berlaku sehingga sekarang menyebabkan tiang-tiangnya pun sudah berkarat dan takut pada suatu hari nanti tak tahu bila, tiang tersebut akan semakin berkarat dan mungkin akan menyebabkan kejadian kemalangan yang tidak diingini. Dan saya harap supaya ianya diambil dan untuk ini saya juga ingin mencadangkan untuk pendidikan Islam ini kita sekarang di sekolah rendah agama ini ada dua, satu sekolah rendah agama dan lagi satu SAR KAFA. Di mana KAFA ini di bawah JAKIM dan SRA ini di bawah JAIS. Dan murid-murid yang ada di dalam sekolah kedua-dua sekolah ini sekarang ini mengambil dua ujian. Satu semasa di darjah lima dan satu lagi semasa di darjah enam. Di mana darjah lima mereka mengambil peperiksaan UPKK yang disediakan oleh pihak JAKIM dan semasa darjah enam mereka ambil PSRA Penilaian Sekolah Rendah Agama. Saya ingin mencadangkan di sinilah kalau boleh Cuma ada satu peperiksaan sajalah untuk kedua-dua SRA dan SAR KAFA sama ada UPKK atau pun PSRA sahaja supaya tidak ...

**TUAN Pengerusi:** Yang Berhormat itu berkaitan dengan perbelanjaan UPKK, UPSR.

**Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri:** Oh perbelanjaan? Pendidikan Islam ?

**TUAN Pengerusi:** Ya, ke mencadangkan apa *syllabus* macam mana, *syllabus* ke apa tu.

**Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri:** Dia *syllabus* melibatkan kos juga, peperiksaan jadi itu juga saya tengok terpaksa ada dua tahun murid-murid ini

menghadapi peperiksaan dan ia juga melibatkan kos sebab ibu bapa kena bayar kedua-dua peperiksaan ini. Dan dalam masa yang sama juga cikgu juga kena ada kelas pagi dan malam juga buat tambahan kelas sebab hendak mengajar murid-murid ini. Sebab peperiksaan ini seluruh negara UPKK ini. Dan saya cadangkan kalau perlu ada satu kajian supaya hanya ada satu peperiksaan sahaja. Mungkin ambil darjah lima sahaja dan untuk semasa darjah enam, murid-murid ini tumpu pada UPSR saja. Sebab dulu saya sekolah rendah saya tak ada darjah enam itu masa saya untuk *enjoy*. Masa untuk bersukan tapi budak-budak sekarang dia tidak bersukan, dia sebab darjah lima pun sibuk ada kelas tambahan, kelas darjah enam pun sibuk ada kelas tambahan. Jadi bila kita hendak membina anak-anak murid, ini pandangan sayalah untuk pendidikan Islam ini perlu dibuat satu kajian apakah *syllabus* yang perlu kita putuskan sama ada darjah lima atau darjah enam. Dan kita selarikan peperiksaan itu, kalau tidak anak-anak kita ini terperangkap hanya duduk di kelas sahaja. Dan darjah enam pula beban, sekolah kebangsaan satu peperiksaan, sekolah agama satu peperiksaan dan akhirnya semua ini Dan kalau kita tengok murid-murid yang terlibat dengan sukan tidak sangat cemerlang ini budak-budak yang tumpu dalam akademik pun tidak terlibat secara langsung dalam aktiviti sukan. Jadi ini cadangan saya mengenai pendidikan Islam supaya perlu dikaji dan mungkin dari situ kita boleh tengok penjimatan kos, kita boleh buat.

**TUAN PENERUSI:** Sungai Panjang dulu.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN:** *Bismillah*hirrahmannirrahim, terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin merujuk kepada muka surat 109 Butiran Program Aktiviti 515000 Pendidikan Islam Kod Objek 28000 dan juga 29000. Berkenaan dengan penyelenggaraan dan juga perkhidmatan IKTISAS. Jika kita lihat kepada keseluruhan bajet dan peruntukan yang telah pun diletakkan di dalam kod objek ini, kita lihat kod 28000 ada sedikit peningkatan. Ini adalah sesuatu yang baik untuk penyelenggaraan dan juga pembaikan kecil yang dibeli. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Timbalan Pengerusi sebelum ini kita sedia maklum di dalam Negeri Selangor ini terdapat ada fasiliti sekolah-sekolah agama sama ada sekolah rakyat atau pun kini sekolah agama penuh bantuan kerajaan. Sebelum ini sekolah-sekolah ini pun kadang-kadang sewaktu Barisan Nasional memerintah, kita jadi Kerajaan Persekutuan, mereka datang berjumpa dengan kita minta peruntukan dan sebagainya. Tetapi alhamdulillah sekarang wakil rakyat bukan kerajaan ini dah tidak dijemput ke sekolah lagi dah. Tidak tahu sama ada boleh masuk lagi atau tak boleh masuk kita tidak tahu, mungkin dengan kebenaran. Jadi kita perlukan perhatian yang sepenuhnya terutama penyelenggaraan sekolah-sekolah agama. Sekolah-sekolah agama menengah di dalam kawasan DUN sungai Panjang sendiri terdapat banyak sekolah-sekolah agama menengah yang mempunyai potensi dan sekolah-sekolah ini

perlulah di selenggara dengan sebaiknya jadi kita tak mahu ada sekolah-sekolah ini lampu tak menyala, cermin pecah dan sebagainya kerana peruntukan yang disediakan telah pun cukup banyak dan cuma perlu diberikan perhatian yang sepenuhnya oleh kerajaan. Dan juga berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain ini adalah sekurang-kurangnya boleh diberikan makluman kepada pihak-pihak pengurusan sekolah supaya boleh dimanfaatkan bajet ini. Kalau bajet ini tidak dimanfaatkan hanya diletakkan *allocate* sahaja dengan izin ia tidak memberikan makna. Tapi mestilah perlu di *utilize* dengan sebaik-baiknya. Ini adalah cadangan daripada saya supaya pendidikan Islam di Negeri Selangor ini terus di perkasakan dan produk-produk hasil-hasil, pelajar-pelajar, lepasan sekolah-sekolah agama ini dapat kita selarikan dengan pencapaian sekolah-sekolah premium yang lain. Saya sendiri adalah berasal daripada sekolah agama biasa juga, sekolah agama menengah bukan Pasir Panjang, sekolah agama harian yang biasa tetapi kita lihat sekolah-sekolah agama ini telah pun bersaing dan telah pun menempa nama di dalam Negeri Selangor sebagai antara sekolah-sekolah yang terbaik di dalam daerah-daerah. Terutama di dalam daerah Sabak Bernam yang teratas adalah sekolah-sekolah menengah agama ini. Jadi kita perlu berikan perhatian yang sewajarnya kepada pembangunan dan juga meningkatkan prestasi pelajar-pelajar dan murid-murid dalam sekolah agama ini, terima kasih.

**TUAN PENERUSI:** Sila Bukit Melawati.

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI:** Terima kasih Tuan Timbalan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 113 Butiran Program 547000 Kakitangan Dan Guru Kontrak. Kod Objek 10000 Emolumen. Saya ingin meminta pihak Kerajaan Negeri untuk melihat isu kekurangan guru lelaki di Sekolah Rendah Agama Sungai Buloh kerana pihak sekolah atau pun pengetua guru besar telah maklumkan bahawa kita ada 280 pelajar di Sekolah Rendah Agama Sungai Buloh dengan 10 orang guru wanita sahaja. Tidak ada guru lelaki, jadi saya fikir dalam kita hendak memastikan perkembangan sahsiah anak-anak dan pelajar kita memerlukan keseimbangan gender antara guru lelaki dan juga wanita. Ia benar kita perjuangkan wanita tetapi dalam konteks untuk pembangunan sahsiah anak-anak termasuk institusi keluarga memerlukan ibu dan ayah begitu juga dengan pihak sekolah memerlukan keseimbangan gender ini. Jadi saya memohon pihak Kerajaan Negeri untuk melihat kekurangan, isu kekurangan guru lelaki di Sekolah Rendah Agama Sungai Buloh ini, terima kasih.

**TUAN PENERUSI:** Sungai Kandis.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI:** Terima kasih Tuan Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat saya merujuk muka surat 111 Butiran Program 53000 Kod

Objek 2900. Tapi sebelum itu saya ingin menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Pelabuhan Klang berkenaan dengan peperiksaan di sekolah rendah agama. Saya melihat bahawa anak-anak kita di sekolah rendah ini tidak sewajarnya dibebankan dengan banyak peperiksaan kerana tumpuan pendidikan di awal sekolah rendah ini sepatutnya ditumpukan kepada pembinaan watak dengan izin *character building*, pembinaan sahsiah dan peribadi kerana kita melihat peperiksaan yang membebankan ini akhirnya anak-anak tidak dapat mengawal atau pun menguruskan *stress* dan apabila mereka pergi ke sekolah menengah, mereka sebenarnya tidak dapat melaksanakan apa yang mereka pelajari walaupun mereka cemerlang ketika di sekolah rendah. Justeru itu cadangan tadi supaya peperiksaan hanya darjah lima adalah satu cadangan yang baik dan harus diteliti dan dibuat kajian. Dan yang keduanya saya merujuk kepada perkara yang saya sebutkan tadi berkenaan dengan industri halal di Selangor. Kita lihat potensi dan peluang masa depan industri halal merupakan satu *business* yang sangat lumayan dan membawa pulangan yang cukup besar tetapi kita mendengar aduan rungutan daripada pengusaha-pengusaha produk yang memerlukan sijil halal ini, mereka terpaksa melalui pelbagai proses yang panjang yang akhirnya mereka tidak mengambil sijil halal tersebut mungkin kerana kos dan juga mungkin ada halangan-halangan yang lain. Dan yang ingin saya tanyakan ialah adakah negeri Selangor telah mempunyai sijil halal sendiri. Yang mempunyai panel dan pakar yang boleh mengesahkan halal dan... ataupun melantik syarikat-syarikat yang mempunyai panel dan pakar yang tersendiri supaya proses itu dapat berjalan dengan lancar. Ini sudah berlarutan agak lama kerana pertindanan tugas antara JAKIM dan kerajaan negeri. Saya harap negeri Selangor sebagai peneraju kepada industri produk halal dapat mengeluarkan loga halalnya sendiri dan dapat membantu pengusaha-pengusaha pemain-pemain industri ini dapat bergerak dengan lebih jauh. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian muka surat 110. Butiran program 517000 Dakwah. Saya ada menyentuh minat anak-anak muda tentang ikon-ikon agama sama ada dalam bidang ilmu yang khusus di tafsir Al Quran dan Hadis, umum, awam dan sains. Dan antara bidang yang popular hari ini adalah sains dan Al Quran dan di situ diperihalkan kemukjizatan Al Quran dan penemuan sains yang muktamad sekadar teori yang ada atau pun yang masih dalam perkembangan zaman. Saya ingin membawa isu tauliah. Saya harap kalau saya terbabas Dato Menteri Besar berilah saya panduan yang memangku bahagian agama. Kisah saya dan tauliah ini agak panjang iaitu apabila sekumpulan 12 ke 13 orang termasuklah anak muda yang pada masa tu Fathul Bhari dan fadhil Osman dan dekan fakulti Al Quran dan Hadis UKM, datang mengadu bahawa mereka telah memohon dua kali tauliah tapi tidak ada kejayaan dan saya secara innocent sebagai seorang wakil rakyat mengambil pendekatan bahawa saya menyokong. Rupanya sokongan saya itu membawa satu efek negatif pada saya. Saya



dilabel sebagai wahabi. Artikel saya itu masih ada dalam internet. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat cari. Jadi kemudian saya terpaksa menahan perasaan saya, saya sedih sebagai seorang pendakwah juga saya sedih sebagai lulusan Al Quran dan Hadis, PhD tidak diberikan tauliah walaupun dia adalah dekan sebuah universiti tempatan di Selangor. Kemudian peristiwa penangkapan Dr. Asri di kejiranan saya di mana pada masa penangkapan beliau, saya dan ahli Parlimen Ampang ada. Kami cuba bertahan dan cuba mengatakan tidak melakukan dan kita rasa satu yang mustahil berlaku di Selangor pada masa itu ketika pakatan Rakyat memerintah selain kita merasakan ia adalah sabotaj. Walaupun kita suka menggambarkan adanya jurang perbezaan di antara pegawai-pegawai JAIS, ustaz-ustaz JAIS, penguat kuasa JAIS dengan wakil rakyat kerajaan. Tapi realitinya itulah. Apabila saya melihat bahawa saya dengan kuliah dakwah tidak dapat dipisahkan. Saya memimpin NGO Islam lama 9 tahun berpresiden dan menyampaikan kuliah di Hulu Klang telah lama walaupun saya sebagai presiden pada masa itu. Apatah lagi apabila saya menjadi wakil rakyat harapan mereka luas dan saya memilih pendekatan yang tidak memerlukan apa-apa tauliah. Saya menggunakan wacana. Saya namakan usrah agar dia adalah satu diskusi bukan mengajar. Dalam kes yang menjadi kesalahan tauliah ini adalah mengajar tanpa tauliah. Mengajar maknanya ada meja, kerusi ada papan hitam ada alat tulis. Tapi usrah adalah rancangan bebas dan begitu juga saya mengendalikan satu wacana sains dan Al Quran yang mudahnya saya mengumpulkan bahan-bahan yang sudah established. Tokoh-tokoh dalam bidang ini Dr. Moris Bokhil dan Dr. Zarul. Saya ambil bahan mereka dan saya olah dalam bentuk yang mudah dan disenangi oleh ramai yang duduk Hulu Klang dan saya mengajar wacana sains Al Quran dan dijemput di masjid Al Ansar Hulu Klang Bukit Antarabangsa untuk 3 siri. Siri pertama ramai datang. Sebulan kemudian bulan kedua makin ramai. Oleh sebab nazir khuatir siri ketiga itu bertambah ramai dan akan dicemburui oleh orang yang tak suka maka dia memohon tanpa memberitahu saya tauliah sementara. Bila tarikh itu sampai tarikh saya menyampaikan wacana saya itu tiba saya diberitahu oleh tuan nazir yang datang dia whatsapp saya satu surat daripada JAIS yang pernah saya hantar minta penjelasan daripada EXCO agama pada masa itu Yang Berhormat Sijangkang dan dia pun tidak jawab sampai sekarang.

**TUAN Pengerusi:** Yang Berhormat Hulu Klang Cuma saya nak tanya ini berkait dengan VOT B14?

**Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib :** Sebab tauliah ini macam mana statusnya. Kena pada masa sama saya menyokong 12 13 orang akademisyen yang mempunyai PhD, Master dalam bidang agama tak lulus tanpa sebab yang diberikan. Kemudian yang ketiga Mufti Perlis ingin memberi tauliah ceramah di rumah seorang penyokongnya pun tidak dijelaskan. Dia ditangkap dan di situ dibicarakan dan JAIS kalah. Isunya ketika saya dihalang itu sebab diberi adalah tuan nazir hendaklah



meminta YB tidak memberi ceramah pada malam ini kerana tauliah sementara tidak di perkenan oleh Tuanku. Tidak diluluskan dan Tuanku tidak berkenan ahli politik diberikan tauliah.

**TUAN Pengerusi:** Yang Berhormat saya ingin menarik perhatian pada Peraturan Tetap 36 tentang perbahasan dan di antara Peraturan Tetap 36 yang tidak membenarkan penggunaan sebarang nama Tuanku dalam perbahasan. Diminta void perkara menggunakan nama Tuanku.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Saya kena tarik balik atau macam mana.

**TUAN Pengerusi:** Jangan sebut perkara-perkara yang tidak dibenarkan peraturan tetap 36.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Jadi macam mana kita nak membincangkan perkara yang....

**TUAN Pengerusi:** Bincang perkara yang selain dibenarkan oleh perkara 36. Hulu Klang saya ingat kalau Hulu Klang boleh rujukkan dewan kita di bawah objek mana Yang Berhormat cakap ini. Saya tak berapa nak....

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Dakwah. Dalam dakwah itu dia melibatkan pemberian tauliah. Kita imej kita ini kita kena berterus terang. Saya sudah 10 tahun menjadi ADUN saya berdepan dengan orang politik. Kalau nak buat kuliah yang agak mencabar nak moden orang minat pada Islam bukan progresif Islam itu tapi gagal. Alang-alang nak buat program kalau di Selangor kalau ada imej-imej tertentu, gambaran tertentu, orang tertentu, tak boleh. Tapi tak nyata orang tu Cuma sok sek sok sek sahaja. Pernah dirancang satu perhimpunan besar dinamakan simposium konvensyen sirah. Konvensyen sunah. Pada pertubuhan kebajikan Al Qayyum Malaysia. Dr. Rozaimi terkenal orangnya. Anak muda suka dia. Ramai orang nak belajar sirah. Kalau datang konvensyen itu tidak ada sapa boleh kata dia salah. Tetapi tidak dibenarkan diadakan di situ. Sok sek sok sek istana tak bagi. Jadi saya rasa adakah adil benda ni. Adakah benda ini betul berlaku.

**TUAN Pengerusi:** Kalau Yang Berhormat boleh teruskan tentang isu perbelanjaan dalam dakwah Yang Berhormat, silakan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Kita luluskan bajet. Bajet itu akan digunakan untuk menjalankan satu aktiviti, aktiviti itu kalau bertujuan untuk mengekang/menghilangkan minat, memberi imej negatif dalam Selangor, Islam buat IRF Islamic Renaissance France buat di KL. Kat Selangor takkan jalan. Dah jumpa intellectual antarabangsa buat di KL, di Selangor JAIS tak terima. Disebut-sebut tapi

kita sebagai wakil rakyat tak dapat nak defend. Kita pun jadi mangsa kadang-kadang. Jadi mangsa pada kenyataan tak boleh sebab... tu saya nak bawa isu ini saya tak tahu kerana rasa bersalah sekiranya bajet ini kita luluskan tapi pada masa yang sama kita menyembunyikan benda yang kita tak senangi.

**TUAN Pengerusi:** Iya Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih Pengerusi. Nak minta penjelasan sikit daripada Yang Berhormat Hulu Klang soal nama-nama yang disebutkan tadi yang dikatakan tidak dibenarkan saya ikut kalau andai kata betul tidak dibenarkan untuk mengajar atau memberikan kuliah di negeri Selangor saya nak tanya kepada Hulu Klang adakah nama-nama besar yang disebutkan tadi ada memohon tauliah untuk mengajar di negeri Selangor.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Mereka minta sebagai individu. Kemudian mereka jumpa saya. Saya kata kalau begitu saya sokong. Kemudian mereka dimarahi kerana kenapa jumpa YB untuk mendapat sokongan. Jadi saya pun secara innocently secara tidak perasan saya membawa sokongan kerana saya percaya Selangor adalah negeri terbuka dari segi ini. Jadi saya rasa benda itu dah berlaku 2008 dulu. Dan saya kena diberi menyampaikan wacana saya pada tahun 2017. Jadi saya ingin menyentuh pejabat saya di sini menyatakan concern saya kena celik. Kalau saya luluskan bajet ini kalau saya tahu bajet ini adalah bajet yang adil, bajet yang digunakan untuk menyebarkan dakwah, mengembangkan dakwah bukan untuk menyekat. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Saya serahkan kepada Yang Berhormat kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Ahli-ahli Dewan yang telah membangkitkan isu berkenaan dengan perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan di bawah Jabatan Agama Islam Selangor. Saya ingin memberikan maklum balas pertama khusus untuk Yang Berhormat Sijangkang berkenaan dengan naik taraf guru-guru KAFA ke DG29 dan kontrak. Jika kita menggunakan peruntukan itu ataupun kita melaksanakan keseluruhan sekitar 4200 guru-guru KAFA ini untuk di upgrade atau dinaiktarafkan ke DG29, kerajaan negeri harus membelanjakan sekitar RM141,862,896.00 jadi kos ini adalah kos yang agak besar berbanding dengan peruntukan yang sedia ada iaitu peruntukan semasa sekitar RM74 juta. Jadi kita masih lagi mengenakan elaun ataupun menetapkan elaun sedia ada antara RM1,300.00 hingga RM1,500.00 kalau kita naikkan kepada DG29 secara keseluruhannya kosnya begitu besar jadi kita tetapkan kepada kos yang telah saya sebutkan tadi untuk kita belum lagi mampu ataupun belum lagi berupaya untuk meletakkan guru-guru KAFA ini di dalam taraf DG29 ataupun penarafan yang telah diberikan tadi. Namun begitu kerajaan negeri memang sedang mengkaji bagaimana untuk memberikan perjawatan

kepada guru-guru ini supaya mereka dan nasib mereka ini dapat dijamin termasuk kos dan juga sasaran kerja yang harus mereka laksanakan.

**TUAN Pengerusi:** Saya minta maaf Yang Amat Berhormat. Silakan duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Dewan perlu bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa dah menunjukkan jam 4.30 petang. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga hari Isnin 3 hari bulan Disember 2018 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)**